



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA  
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION



Menggalakkan  
**Persaingan**,  
Melindungi  
Anda

LAPORAN  
TAHUNAN  
2018



Sejajar dengan usaha MyCC untuk membantu perusahaan di Malaysia berkembang maju, minda manusia adalah aset yang paling berharga. Membuka kunci inovasi dan kreativiti generasi akan datang adalah penting bagi memberi peluang untuk kita membentuk masa depan. Idea ini dinyatakan dalam visual grafik moden, berbentuk kubah bagi mempamerkan peranan MyCC dalam menjaga persekitaran perniagaan yang kompetitif bagi pasaran tempatan.

## RASIONAL KULIT DEPAN

# 2018

Laporan Tahunan

## KANDUNGAN

<b>1. PERUTUSAN MENTERI</b>	
<b>2. PRAKATA PENGERUSI</b>	
<b>3. PRAKATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF</b>	
<b>4. MAKLUMAT KORPORAT</b>	
• Pengenalan	08
• Visi dan Misi	08
• Fungsi dan Kuasa MyCC di Bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713)	09
• Bidang Kuasa Akta Persaingan 2010 (Akta 712)	10
• Larangan Utama di Bawah Akta 712	11
• MyCC Sebagai Badan Separa Kehakiman	13
• Jawatankuasa Kerja MyCC dan Jawatankuasa Khas Persaingan	14
<b>5. PENGURUSAN TERTINGGI</b>	
• Struktur Organisasi Pengurusan MyCC	17
• Anggota-anggota Suruhanjaya	18
<b>6. PERISTIWA PENTING SEJAK PENUBUHAN</b>	25
<b>7. PENCAPAIAN UTAMA 2018</b>	
• Penyiasatan dan Penguatkuasaan	29
• Program Advokasi	33
• Program Antarabangsa	45
• Publisiti dan Perhubungan Awam	51
<b>9. PENYATA KEWANGAN</b>	54

# PERUTUSAN MENTERI

“

KEWUJUDAN DAN USAHA PEMERKASAAN BERTERUSAN AGENSI YANG BERPOTENSI BESAR SEPERTI MYCCINI MEMBUKTIKAN BAHAWA KERAJAAN SANGAT SERIUS DAN KOMITED DALAM USAHANYA UNTUK MEWUJUDKAN PERSEKITARAN PERNIAGAAN YANG KONDUSIF DAN KOMPETITIF DI MALAYSIA.

”



**Datuk Seri Saifuddin  
Nasution Ismail**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

## PERUTUSAN MENTERI

Malaysia mula menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 (Akta 712) pada 1 Januari 2012 dengan tertubuhnya Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC). Hari ini, MyCC merupakan salah sebuah agensi penting di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang mengawal selia ekosistem persaingan di negara ini bagi memastikan rakyat mendapat manfaat berterusan hasil peningkatan dan kesejahteraan ekonomi negara.

Intipati peruntukan yang termaktub di dalam Akta 712 adalah sama seperti kebanyakan negara lain yang mempunyai akta serupa, kecuali peruntukan berkaitan penggabungan dan pengambilalihan. MyCC telah mengambil langkah penting untuk menambah baik Akta tersebut bagi memasukkan peruntukan berkaitan penggabungan dan pengambilalihan dan proses ini dijangka akan dimuktamadkan dalam tahun 2020.

Kewujudan dan usaha pemerkasaan berterusan agensi yang berpotensi besar seperti MyCC ini membuktikan bahawa Kerajaan sangat serius dan komited dalam usahanya untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif dan kompetitif di Malaysia. Pada masa yang sama ia mencerminkan keprihatinan Kerajaan dalam memberikan lebih banyak perlindungan kepada pengguna. MyCC tentunya dilihat sangat relevan dalam membantu Kerajaan menangani isu kartel dan monopoli dalam pasaran tempatan terutama dalam aspek penyalahgunaan kuasa dominan oleh syarikat-syarikat besar. Ini sejajar dengan komitmen Kerajaan untuk membantu meringankan beban rakyat dalam menangani dan menguruskan kos sara hidup.

Di dalam arus perubahan yang dibawa oleh Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) yang melibatkan semua pihak berkepentingan termasuk individu, Kerajaan dan perniagaan, Malaysia berjaya meningkatkan kedudukannya pada tangga ke-25 dalam laporan Indeks Daya Saing Global yang dilakukan oleh Forum Ekonomi Dunia. Laporan yang dikemaskini setiap tahun ini sangat penting bagi membantu

pembuat dasar, pemimpin perniagaan dan pihak berkepentingan lain di seluruh dunia membentuk strategi ekonomi masing-masing. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan berada pada landasan yang betul dalam usaha untuk membina ekonomi berdaya saing dan mampan pada masa hadapan sekaligus mampu meningkatkan taraf hidup masyarakat.

Satu lagi isyarat positif bagi Kerajaan adalah apabila melihat Malaysia berjaya mengekalkan kedudukan 30 teratas di kalangan 190 kuasa ekonomi di seluruh dunia seperti dilaporkan di dalam The World Bank Doing Business 2018 Report. Ini membuktikan bahawa inisiatif pembaharuan yang sedang dilaksanakan berada di landasan yang betul untuk meningkatkan daya saing, produktiviti dan tadbir urus bagi memudahkan menjalankan perniagaan serta menggalakkan pelaburan, yang akhirnya diyakini mampu mempercepatkan pembangunan ekonomi dan meningkatkan kemakmuran rakyat dan negara.

Selain itu, kesejahteraan negara yang berdaya saing dan optimistik ini menunjukkan akan pentingnya peranan MyCC di negara ini kerana persaingan yang sihat dan adil menjadi tunjang penyokong kepada entiti perniagaan di Malaysia khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di mana ianya membantu dan memberi mereka peluang untuk berkembang dan berinovasi. Pelaksanaan Akta 712 oleh MyCC ini diyakini telah pun memberikan sumbangan penting di dalam meningkatkan daya saing negara melalui usaha membasi tingkah laku anti persaingan dan ini membantu mempromosikan amalan perniagaan bertaraf dunia sekaligus memudahkan ekonomi negara berkembang dengan pesat.

KPDNHEP sebagai Kementerian yang bertanggungjawab memastikan pengguna dilindungi dan perusahaan dapat beroperasi dengan cekap, inovatif dan berdaya saing, akan terus memantapkan kerjasama dengan MyCC dalam memastikan amalan persaingan yang sihat dan adil di pasaran untuk kepentingan perusahaan, pengguna dan negara.

# PRAKATA PENGERUSI

“

PADA TAHUN 2018, MYCC TELAH MENGANJURKAN LEBIH DARIPADA 20 PROGRAM ADVOKASI MELIBATKAN SEKTOR AWAM DAN SWASTA BAGI MENINGKATKAN TAHAP KESEDARAN TERUTAMANYA DI KALANGAN PERUSAHAAN MENGENAI KEPENTINGAN PERSAINGAN YANG ADIL DI PASARAN.

”



**Dato' Seri Mohd  
Hishamudin Md Yunus**

Pengerusi

## PRAKATA PENGURUSI

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ditubuhkan pada pertengahan tahun 2011 sebagai badan kawal selia yang berperanan memastikan proses persaingan yang kondusif dan adil di negara ini. Sepanjang tempoh penubuhannya, MyCC telah menghadapi dan mengatasi banyak cabaran dan telah menarik perhatian perusahaan-perusahaan dan masyarakat supaya mereka sedar akan kepentingan mematuhi Akta Persaingan 2010. MyCC, sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah memupuk kesedaran akan kepentingan persaingan dalam masyarakat Malaysia melalui pelbagai program penyiasatan dan advokasi. Setakat ini, MyCC masih menjadi tumpuan utama Kerajaan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan amalan persaingan.

Pada tahun 2018, MyCC telah menganjurkan lebih daripada 20 program advokasi melibatkan sektor awam dan swasta bagi meningkatkan tahap kesedaran terutamanya di kalangan perusahaan mengenai kepentingan persaingan yang adil di pasaran. Sebagai sebahagian daripada mandatnya, Suruhanjaya juga telah menjalankan siasatan terhadap beberapa perusahaan yang disyaki menyalahgunakan kedudukan dominan dan menetapkan harga. MyCC telah berjaya mengeluarkan Keputusan Cadangan terhadap Dagang Net Technologies kerana menyalahgunakan kedudukan dominannya dan telah mengeluarkan Keputusan Akhir kepada tujuh pusat tuisyen dan penjagaan harian atas kesalahan berpakat bagi menetapkan harga.

Monopoli bukan satu kesalahan di bawah Akta Persaingan 2010. Bagaimanapun, menyalahgunakan kedudukan dominan adalah pelanggaran di bawah Akta. Di dalam era baru ini, isu-isu mengenai menyalahgunaan

kedudukan dominan sedang berada di tahap keutamaan tertinggi oleh MyCC. Selaras dengan itu, MyCC telah dilantik sebagai ahli Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) dan Jawatankuasa Kajian Semula Dasar Monopoli Barang dan Perkhidmatan untuk mengakses dan memberi nasihat kepada Kerajaan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan monopoli.

MyCC secara aktif terlibat dengan pelbagai pihak berkuasa persaingan di seluruh dunia bagi membincangkan pelbagai aspek persaingan termasuk penggabungan dan pengambilalihan. Pada masa ini, Suruhanjaya sedang menjalankan kajian untuk membuat pindaan menyeluruh kepada Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 dan Akta Persaingan 2010 untuk mengukuhkan fungsi dan kuasa semasa Suruhanjaya yang merangkumi rejim kawalan penggabungan.

Melihat kepada landskap perniagaan tanpa sempadan masa kini, MyCC sedang melengkapkan diri dengan strategi yang baru dan dinamik bagi memastikan penguatkuasaan yang berkesan dan persekitaran perniagaan yang berdaya saing di Malaysia. MyCC sentiasa teguh dalam mencapai misinya untuk menjadi penguatkuasa persaingan utama di Malaysia dengan melaksanakan mandat yang diberikan dengan cekap dan berkesan, dengan komitmen untuk memastikan budaya persaingan yang kondusif dan adil untuk menjadikan pasaran berfungsi dengan baik untuk pengguna, perniagaan dan ekonomi.

# PRAKATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

“

SEMPENA ULANG TAHUN KE-7 MYCC,  
SATU SIRI JELAJAH YANG BERTEMA  
#BEBASKARTEL TELAH DILANCARKAN  
BERTUJUAN UNTUK MEWUJUDKAN  
KESEDARAN DI KALANGAN PEMAIN  
INDUSTRI DAN ORANG AWAM SECARA  
UMUM MENGENAI PERANAN DAN FUNGSI  
MYCC.

”



**Encik Iskandar Ismail**

Ketua Pegawai Eksekutif

## PRAKATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Akta Persaingan 2010 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2012 adalah bertujuan untuk menggalakkan pembangunan ekonomi negara melalui proses persaingan yang adil. Sejak tujuh tahun yang lalu, Suruhanjaya telah menghadapi pelbagai cabaran untuk mengoptimumkan akta tersebut, terutamanya dalam penyelesaian isu persaingan. Suruhanjaya memerlukan masa untuk memupuk pemahaman di kalangan pihak berkepentingan dan orang awam terhadap kesan perlaksanaan Akta tersebut kepada perkembangan ekonomi Malaysia.

Sejak Akta Persaingan 2010 mula berkuat kuasa, Suruhanjaya telah menganjurkan pelbagai program advokasi untuk mewujudkan kesedaran di kalangan orang ramai terutamanya pihak berkepentingan yang melibatkan pengawal selia sektor, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), ahli akademik, pelajar, badan profesional, persatuan perniagaan, pengamal serta agensi Kerajaan dan kementerian.

Sempena ulang tahun ke-7 MyCC, satu siri jelajah yang bertema #BebasKartel telah dilancarkan bertujuan untuk mewujudkan kesedaran di kalangan pemain industri dan orang awam secara umum mengenai peranan dan fungsi MyCC. MyC juga mengambil pendekatan lain dengan menganjurkan aktiviti seperti pertandingan menulis karangan, pertandingan bicara berirama, pertandingan fotografi dan pertandingan berbasikal 'MyCC Cycle Cyberjaya - Kayuh Kaw Kaw 2018' sebagai usaha untuk mewujudkan tahap kesedaran yang lebih tinggi mengenai Akta Persaingan.

Bagi mengukuhkan lagi peranannya, MyCC telah memulakan program pertukaran kakitangan dengan pihak berkuasa persaingan lain bagi menangani isu persaingan dan berkongsi pengetahuan dan kepakaran. Sehingga kini, MyCC telah bekerjasama dengan Suruhanjaya Persaingan dan Pengguna Australia (ACCC) dan mempunyai perancangan untuk mengambil bahagian di dalam program pertukaran kakitangan dengan pihak berkuasa persaingan lain setiap tahun.

MyCC amat menegaskan kepentingan pembangunan kapasiti tempatan dan antarabangsa untuk melaksanakan amalan terbaik dan meningkatkan kecekapan tenaga kerja serta melahirkan pakar undang-undang persaingan dalam meningkatkan dan memperkuuhkan rejim penguatkuasaan di Malaysia.

Saya yakin MyCC dapat mengatasi cabaran-cabaran baharu. Senarai kes yang telah disiasat oleh Suruhanjaya menunjukkan tahap dedikasi yang tinggi oleh tenaga kerja MyCC yang muda dan dinamik. Sejak Januari 2012, Suruhanjaya telah menyelesaikan 362 daripada 403 aduan yang diterima daripada orang awam.

Pada dekad yang akan datang, Suruhanjaya perlu memastikan peranan dan misinya tetap relevan seiring dengan visi dan misinya. Saya percaya MyCC akan menjadi antara agensi penguatkuasaan yang terbaik dan paling aktif di negara ini. MyCC akan terus bertekun sehingga amalan persaingan yang adil telah mampat dilaksanakan dalam pelan pembangunan negara.

# PENGENALAN

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)** telah ditubuhkan pada 1 April 2011 untuk menguatkuasa Akta Persaingan 2010 (Akta 712). Akta ini telah digubal untuk menggalakkan pembangunan ekonomi yang mampan dengan **menggalakkan kecekapan, inovasi dan keusahawanan yang berdaya saing**. Ini seterusnya akan menghasilkan harga yang lebih kompetitif, produk yang lebih berkualiti dan pilihan yang lebih luas bagi pengguna dan akhirnya akan melindungi kepentingan mereka.



# FUNGSI DAN KUASA MyCC DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA PERSAINGAN 2010 (AKTA 713)



## FUNGSI (Seksyen 16):

- Menasihati Menteri, pihak Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa awam bagi semua perkara yang berkaitan dengan persaingan;
- Menguatkuasakan perundangan persaingan melalui penyiasatan, menjalankan kajian pasaran dan mengeluarkan garis panduan berhubung dengan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang persaingan; dan
- Mendidik orang awam, perusahaan dan pihak berkepentingan tentang manfaat persaingan kepada ekonomi secara keseluruhannya.



## KUASA (Seksyen 17):

- Mengenakan penalti bagi pelanggaran peruntukan undang-undang persaingan;
- Mengenakan fi atau caj terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh MyCC;
- Melaksanakan program bagi pelaksanaan fungsi MyCC;
- Bekerjasama dengan mana-mana pertubuhan perbadanan atau agensi Kerajaan bagi tujuan melaksanakan fungsi MyCC; dan
- Meminta dan mengumpul maklumat daripada perusahaan bagi membantu melaksanakan fungsi MyCC.

# BIDANG KUASA AKTA PERSAINGAN 2010 (AKTA 712)

Akta 712 meliputi semua aktiviti-aktiviti komersial yang dijalankan di dalam dan luar negara yang mempunyai kesan terhadap persaingan dalam apa-apa pasaran di Malaysia.

Aktiviti-aktiviti yang dikecualikan dan tidak tertakluk di dalam Akta 712 adalah:

- |    |  |    |  |
|----|--|----|--|
| 01 | Aktiviti yang melibatkan tindakan pihak berkuasa Kerajaan  | 04 | Perjanjian atau kelakuan yang mematuhi undang-undang   |
| 02 | Aktiviti yang dijalankan selaras dengan prinsip perpaduan  | 05 | Tawar-menawar secara kolektif atau perjanjian bersama di antara majikan dan kesatuan sekerja bagi pihak pekerja                                    |
| 03 | Pembelian barang atau perkhidmatan yang tidak bertujuan untuk dijual semula atau pembekalan semula | 06 | Perkhidmatan yang melibatkan kepentingan ekonomi secara umum, merangkumi utiliti awam, atau mempunyai sifat monopolii yang menghasilkan keuntungan |



**Akta ini tidak terpakai bagi aktiviti komersil yang dikawal selia di bawah:**



Akta Komunikasi  
dan Multimedia  
1998



Akta  
Suruhanjaya  
Tenaga 2001



Akta  
Pembangunan  
Petroleum 1974



Peraturan-  
Peraturan  
Petroleum 1974



Akta  
Suruhanjaya  
Penerbangan  
Malaysia 2015

# LARANGAN UTAMA DI BAWAH AKTA 712

Akta 712 melarang perusahaan daripada terlibat dalam dua bentuk perilaku:

**01**

PERJANJIAN ANTI PERSAINGAN  
(SEKSYEN 4)



**02**

PENYALAHGUNAAN KEDUDUKAN DOMINAN  
(SEKSYEN 10)



**PERJANJIAN ANTI  
PERSAINGAN**  
(Seksyen 4)



**PENYALAHGUNAAN  
KEDUDUKAN  
DOMINAN** (Seksyen 10)

Sebarang perjanjian antara perusahaan sama ada bertulis ataupun tidak, di mana perjanjian tersebut dipersetujui dengan matlamat atau kesan yang menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barang atau perkhidmatan.

Perjanjian anti persaingan boleh berlaku secara terbuka atau rahsia (contohnya kartel) di mana perusahaan secara kolektif bersetuju untuk tidak bersaing atau bekerjasama di antara satu sama lain dalam mengurangkan persaingan dan mengganggu kuasa pasaran.

Suatu perusahaan yang mempunyai kuasa pasaran signifikan lebih daripada 60% akan dianggap sebagai mempunyai kedudukan dominan dalam pasaran tersebut.

Perusahaan yang berkedudukan dominan dalam suatu pasaran bukan merupakan satu salah laku yang melanggar undang-undang persaingan kecuali jika perusahaan tersebut menyalahgunakan kedudukan dominannya sehingga menyekat persaingan daripada perusahaan yang lain di dalam pasaran yang sama dan mampu memudaratkan pengguna.

## LARANGAN UTAMA DI BAWAH AKTA 712

### CONTOH PELANGGARAN DI BAWAH AKTA 712



#### AMALAN ANTIPERSAINGAN

##### PERJANJIAN ANTI PERSAINGAN (SEKSYEN 4)

Menetapkan Harga

Berkongsi Pasaran

Tipuan Bida

Mengehadkan atau Mengawal Pengeluaran

Menyelaras Harga Jualan Semula

Perjanjian Eksklusif

##### PENYALAHGUNAAN KEDUDUKAN DOMINAN (SEKSYEN 10)

Mengenakan Syarat Berbeza

Mengenakan Harga Tidak Adil atau Bersyarat

Berkelakuan Seakan Pemangsa

Keengganan Membekal

Membeli Barang atau Sumber Yang Terhad

Jualan Terikat



#### PENALTI KEWANGAN

Jika MyCC memutuskan bahawa terdapat suatu pelanggaran terhadap larangan pada Akta 712, sesuatu perusahaan itu boleh dikenakan penalti kewangan sebanyak maksimum **10%** daripada pusing ganti seluruh dunia serta perlu mematuhi arahan-arahan lain yang akan menghentikan pelanggaran.

# MyCC SEBAGAI BADAN SEPARA KEHAKIMAN



MyCC  
MENJALANKAN  
SIASATAN



MyCC  
MEMBUAT  
KEPUTUSAN



MyCC  
MENGUATKUASA  
KEPUTUSAN

# JAWATANKUASA KERJA MyCC

MyCC telah menujuhkan lima jawatankuasa kerja untuk membantu serta melaksanakan fungsi utamanya. Setiap jawatankuasa diketuai oleh seorang anggota Suruhanjaya dan melibatkan wakil-wakil dari sektor awam dan swasta yang berkaitan. Jawatankuasa-jawatankuasa kerja tersebut adalah seperti berikut:

- 
- The diagram consists of five red-outlined circles, each containing a large black number and the name of a committee. The circles are arranged in a staggered pattern.
- 1 JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PENTADBIRAN**
  - 2 JAWATANKUASA ADVOKASI DAN KOMUNIKASI**
  - 3 JAWATANKUASA AUDIT DAN RISIKO**
  - 4 JAWATANKUASA EKONOMI**
  - 5 JAWATANKUASA PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN**

# JAWATANKUASA KHAS PERSAINGAN

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Persaingan yang dipengerusikan oleh MyCC dan dianggotai oleh pengawal-pengawal selia sektor-sektor lain seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) (kini dikenali sebagai Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Tenaga (ST), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Suruhanjaya Sekuriti (SC), Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah diadakan pada 14 Disember 2018 bagi membincangkan pelbagai isu berkaitan persaingan di dalam pasaran yang melibatkan pelbagai sektor telekomunikasi, pengangkutan awam darat, kewangan, bekalan tenaga elektrik dan air, penerbangan dan harta intelek.



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA  
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION



BANK NEGARA MALAYSIA  
CENTRAL BANK OF MALAYSIA



SURUHANJAYA  
PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
LAND PUBLIC TRANSPORT  
COMMISSION



SPAN  
Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara  
[www.span.gov.my](http://www.span.gov.my)




Malaysian  
Aviation Commission  
Suruhanjaya Penerbangan Malaysia



# PENGURUSAN TERTINGGI



# STRUKTUR ORGANISASI PENGURUSAN MyCC



# ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA



- 1** DATO' SERI MOHD HISHAMUDIN MD YUNUS
- 2** DATUK TAY LEE LY
- 3** DATIN SERI RUZAINA WAN HANIFF
- 4** DATO' JAGJIT SINGH BANT SINGH

## ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA



- 5 DATO' IR HJ MOHD JAMAL SULAIMAN
- 6 MOHD HASSAN AHMAD
- 7 DR NASARUDIN ABDUL RAHMAN
- 8 PROFESSOR DR SAADIAH MOHAMAD

## ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA

Keanggotaan Suruhanjaya meliputi seorang pengurus, empat orang anggota yang mewakili Kerajaan dan tiga orang anggota lain yang mewakili sektor swasta. Kesemua anggota, termasuk pengurus, dilantik oleh Perdana Menteri berdasarkan cadangan yang dikemukakan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Anggota-anggota Suruhanjaya dilantik untuk tempoh satu penggal (tiga tahun) dan boleh dilantik semula selagi pelantikan tidak melebihi dua penggal berturut-turut.

Secara keseluruhannya, anggota-anggota Suruhanjaya mewakili bidang undang-undang, ekonomi, industri, pentadbiran awam, perniagaan, perdagangan, persaingan dan perlindungan pengguna.

**DATO' SERI  
MOHD HISHAMUDIN  
MD YUNUS**

Pengerusi

Dato' Seri Mohd Hishamudin Md Yunus berkelulusan undang-undang daripada Universiti London. Beliau merupakan mantan Hakim Mahkamah Rayuan Malaysia dan sebelum itu pernah berkhidmat sebagai Ketua Pendaftar Mahkamah Agung, Peguam Kanan Persekutuan dan Presiden Mahkamah Seksyen. Beliau mempunyai pengalaman selama hampir 45 tahun dalam bidang perundangan, dan memiliki kelulusan dalam bidang timbangtara komersial antarabangsa daripada *Chartered Institute of Arbitrators, United Kingdom*. Sepanjang perkhidmatan beliau di Mahkamah Tinggi, beliau telah memutuskan lebih daripada 750 penghakiman yang dilaporkan di dalam jurnal undang-undang.

Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Penasihat Undang-Undang Kementerian Perusahaan Utama dan bertindak sebagai jurucakap kepada negara-negara pengeluar getah sewaktu Rundingan Perjanjian Getah Asli di Switzerland. Beliau turut pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Perwakilan untuk International Bar Association's Human Right Institute (IBAHRI) ke Afrika Selatan sebelum dilantik sebagai Penimbang Tara di Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur.

## ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA

### DATIN SERI RUZAINA WAN HANIFF

Datin Seri Ruzaaina Wan Haniff memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Sarjana dalam Hubungan Antarabangsa (Undang-undang Antarabangsa) dari Universiti Waseda, Tokyo, Jepun. Beliau telah diterima masuk ke Badan Peguam Malaysia pada tahun 1997 dan memulakan kerjayanya di Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan pada tahun 1985 di mana beliau memegang pelbagai jawatan semasa tempoh perkhidmatannya. Sebelum memilih untuk bersara secara pilihan pada tahun 2010, beliau memegang jawatan Penolong Kanan Penggubal Undang-undang di Dewan Rakyat dan sebagai Ketua Unit di Bahagian Penggubalan, Jabatan Peguam Negara selama lima tahun.

Pengalamannya yang luas dalam penggubalan undang-undang telah dipertingkatkan dengan penyertaannya di pelbagai kursus dan persidangan berkaitan penggubalan undang-undang di dalam dan luar negara. Beliau telah memberikan syarahan mengenai pelbagai topik perundangan, dari undang-undang subsidiari kepada Akta baru.

### DATO' JAGJIT SINGH BANT SINGH

Dato' Jagjit Singh Bant Singh adalah rakan pengasas firma guaman Jagjit Ariff & Co. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Undang-undang dengan Merit (Undang-Undang Komersial dan Korporat - Harta Intelek) dari King's College, Universiti London. Kepakaran beliau adalah dalam bidang perundangan, praktikal dan prosedur mengenai harta intelek. Beliau adalah mantan Hakim dan telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia selama 28 tahun di mana beliau telah menjawat pelbagai jawatan termasuk Peguam Kanan Persekutuan, Timbalan Perbendaharaan Peguamcara, Penasihat Undang-undang kepada Kementerian Kesihatan, Timbalan Pendakwa Raya dan Penolong Kanan Penggubal Parlimen.

Beliau berkhidmat sebagai ahli Pasukan Petugas Hak Cipta, KPDNHEP pada tahun 1999 – 2001, Panel Pakar bagi Pusat Keselamatan dan Tindak balas Kecemasan ICT Negara dari 2001 hingga 2003. Beliau juga berkhidmat sebagai penasihat undang-undang kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat pada Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 2004. Beliau adalah pengarang '*The Practical Approach to the Enforcement of Intellectual Property Rights*' dan mengarang bersama buku panduan '*Civil Trials Guidebook*'.

## ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA

### DATUK TAY LEE LY

Datuk Tay Lee Ly berkelulusan undang-undang daripada Universiti Malaya (1988) dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Undang-undang Antarabangsa daripada Universiti Nottingham, Malaysia (2010). Beliau kini memegang jawatan sebagai Penasihat Undang-Undang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (PUU KPDNHEP). Sebagai PUU KPDNHEP sejak Disember 2013, beliau juga mengetuai Bahagian Undang- undang KPDNHEP dan telah terlibat dalam penggubalan beberapa perundangan yang dikawal selia oleh KPDNHEP.

Beliau telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia selama hampir 30 tahun. Sebelum berkhidmat sebagai PUU KPDNHEP, beliau telah memegang pelbagai jawatan seperti Pengurus Mahkamah Perusahaan di Kuala Lumpur, Penasihat Undang-Undang di Kementerian Kerja Raya, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Majistret di Mahkamah Majistret Petaling Jaya, Timbalan Pendakwa Raya, Peguam Kanan Persekutuan dan Penolong Kanan Penggubal Undang-Undang Parlimen di Jabatan Peguam Negara.

### PROFESSOR DR SAADIAH MOHAMAD

Profesor Dr Saadiah Mohamad adalah Profesor Ekonomi di Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Universiti Teknologi MARA (UiTM). Sebelum itu, beliau merupakan Timbalan Dekan (Hubungan Industri dan Masyarakat) di fakulti berkenaan. Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda (Perancangan Bandar dan Desa) dari Universiti Manchester (UK), Ijazah Sarjana (Ekonomi) dari Universiti Missouri, Amerika Syarikat dan PhD (Ekonomi) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau merupakan ahli pelawat penyelidikan di Pusat Pengajian Islam Oxford, Universiti Oxford pada tahun 2015-2016.

Kajian penyelidikan beliau yang lain termasuk penyiaran di Bank Dunia pada tahun 2001, Bank Negara pada tahun 2007 dan Institut Kewangan Asia pada 2010-2011. Beliau telah menerbitkan lebih daripada 70 kertas akademik dalam bidang ekonomi, kewangan Islam dan sosial. Beliau merupakan pengarah pertama Forum Ekonomi Islam Dunia WIEF-Uitm International Centre. Beliau adalah ahli jawatankuasa eksekutif Persatuan Ekonomi Malaysia selama enam penggal berturut-turut (2004-2015) dan setiausaha kehormat kepada persatuan (2014-2015). Beliau kini adalah ahli Jawatankuasa Eksekutif Majlis Pendidik Kewangan Islam Antarabangsa.

## ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA

### MOHD HASSAN BIN AHMAD

Mohd Hassan Ahmad kini adalah Timbalan Setiausaha Bahagian Fiskal dan Ekonomi, Kementerian Kewangan. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Putra Malaysia dan Ijazah Sarjana Ekonomi dari Universiti Sydney, Australia. Beliau dilantik sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan telah ditempatkan di Kementerian Kewangan sejak tahun 2000 sehingga kini. Beliau telah memegang pelbagai jawatan sepanjang perkhidmatan beliau di Kementerian Kewangan.

### DR NASARUDIN ABDUL RAHMAN

Dr Nasarudin Abdul Rahman memegang jawatan sebagai Penolong Profesor di Kulliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) pada 2002 dan Sarjana Undang-Undang Perbandingan pada 2008 dari UIAM. Beliau seterusnya memperoleh PhD dari Macquarie University of Sydney, Australia dalam bidang dasar dan undang-undang persaingan Malaysia.


Beliau adalah pengarang buku bertajuk *Competition Law in Malaysia* (diterbitkan oleh Thomson Reuters) dan juga telah mengarang dan menerbitkan pelbagai artikel yang berkaitan dengan dasar dan undang-undang persaingan di Malaysia. Sebelum menyertai UIAM, beliau adalah peguam bela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya. Kini, beliau mengajar undang-undang syarikat di peringkat Sarjana Muda dan bidang pengkhususannya adalah dasar dan undang-undang persaingan, hubungan perindustrian dan perbankan Islam.

### DATO' IR HJ MOHD JAMAL SULAIMAN

Dato' Ir Hj Mohd Jamal Sulaiman memegang kelayakan dalam bidang kejuruteraan awam dari University of Salford, United Kingdom. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Jurutera Awam pada Julai 1981 dan ditempatkan di Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) Negeri Pahang. Sepanjang 36 tahun dalam perkhidmatan, beliau telah berkhidmat di pelbagai gred jawatan dan agensi seperti Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Bekalan Air Daerah Hulu Selangor, JKR Negeri Selangor.

Beliau juga pernah memegang jawatan Pengarah Dasar dan Pengurusan Korporat dari tahun 2014 hingga Januari 2017 dan sebelum bersara, beliau sempat dilantik sebagai Pengarah Kanan Kerja Raya (Sektor Bangunan) di JKR. Beliau dua kali dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan juga Anugerah Pencapaian Khas JKR 2010 sepanjang perkhidmatan beliau di dalam perkhidmatan awam.

# PERISTIWA PENTING



# PERISTIWA PENTING SEJAK PENUBUHAN

2010

APRIL

JUN

- Dasar dan Rang Undang-undang baharu diluluskan.
- Akta 712 dan Akta 713 menerima Perkenan Diraja.
- Akta 712 dan Akta 713 diwartakan.

2011

APRIL

- MyCC ditubuhkan dan mula beroperasi.

2012

JANUARI

MEI

JULAI

OKTOBER

DISEMBER

- Akta 712 mula berkuatkuasa.

- Garis panduan tentang Prosedur Aduan, Definisi Pasaran dan Larangan (Perjanjian Antipersaingan) diterbitkan.

- Pelancaran 'Buku Panduan untuk Masyarakat Awam'.
- Garis Panduan Tentang Larangan (Penyalahgunaan Kedudukan Dominan) diterbitkan.

- Keputusan Cadangan dikeluarkan terhadap Pertubuhan Pengusaha Bunga-Bungaan Cameron Highlands (CHFA) kerana melanggar Seksyen 4(2) (a) Akta 712.

- Keputusan Akhir dikeluarkan terhadap CHFA.
- Program Geran Penyelidikan (RGP) MyCC dilancarkan.

2013

JANUARI

JULAI

SEPTEMBER

NOVEMBER

- Pembukaan rasmi ibu pejabat MyCC di KL Sentral.

- MyCC melengkapkan Kajian Semula Pasaran mengenai penetapan harga oleh badan-badan profesional di Malaysia.
- Kajian Garis Dasar tentang tahap kesedaran Akta 712 dilaksanakan oleh MyCC.

- Pelancaran 'Akta Persaingan 2010: Panduan untuk Perniagaan'.
- Keputusan Cadangan dikeluarkan terhadap Malaysian Airline System Berhad dan AirAsia Berhad dan AirAsia X Sdn Bhd kerana aktiviti perkongsian pasaran yang melanggar Seksyen 4(2)(a) Akta 712.

- Langkah Interim dikeluarkan terhadap Persatuan Pengusaha Lori Seluruh Malaysia (PMLOA) kerana berpakat menetapkan harga.
- Pelancaran 'Akta Persaingan 2010 : Garis Panduan Pematuhan'.

- Persidangan Undang-undang Persaingan yang pertama diadakan.

- Keputusan Cadangan dikeluarkan terhadap Megasteel Sdn Bhd kerana menyalahgunakan kedudukan dominannya yang merupakan pelanggaran di bawah seksyen 10 (1) Akta 712.

## PERISTIWA PENTING SEJAK PENUBUHAN

**2014**

- |  |   |
|--|---|
| <b>MAC</b><br><b>MEI</b><br><b>JUN</b><br><b>OKTOBER</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• MyCC melengkapkan Kajian Semula Pasaran mengenai daging ayam tempatan.</li> <li>• Keputusan Akhir dikeluarkan terhadap Malaysian Airline System Berhad, AirAsia Berhad dan AirAsia X Sdn Bhd.</li> <li>• MyCC menerima Aku Janji daripada PMLOA.</li> <li>• 'Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam' dan 'Bantu Kami Kenal Pasti Tipuan Bida' diterbitkan.</li> <li>• MyCC menerima Aku Janji daripada Giga Shipping Sdn Bhd (Giga Shipping) and Nexus Mega Carriers Sdn Bhd (Nexus Mega).</li> <li>• 'Garis Panduan Penalty Kewangan dan Regim Kelonggaran' diterbitkan.</li> </ul> |
|--|---|

**2015**

- |  |   |
|--|---|
| <b>JANUARI</b><br><b>FEBRUARI</b><br><b>JUN</b><br><b>OKTOBER</b><br><b>NOVEMBER</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keputusan Akhir dikeluarkan terhadap 24 Pengeluar-Pengeluar Ais kerana melanggar Seksyen 4(2)(a), Akta 712.</li> <li>• Keputusan Akhir dikeluarkan terhadap 15 anggota Persatuan Bakeri dan Manisan Sibu kerana melanggar Seksyen 4(2)(a), Akta 712.</li> <li>• Keputusan Cadangan dikeluarkan terhadap lima Pengendali Depoh Kontena kerana melakukan penetapan harga yang melanggar Seksyen 4(1), Akta 712.</li> <li>• Keputusan Cadangan dikeluarkan terhadap MyEG Services Berhad kerana menyalahgunakan kedudukan dominannya yang melanggar seksyen 10(2)(d)(iii) Akta 712.</li> <li>• MyCC menerima Aku Janji daripada Persatuan Ampunya Jentera Pembinaan Berat Malaysia (MHCEOA).</li> <li>• MyCC menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan enam Institut Pengajian Tinggi.</li> </ul> |
|--|---|

**2016**

- |            |  |
|------------|--|
| <b>JUN</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keputusan Akhir dikeluarkan terhadap Containerchain (M) Sdn Bhd dan empat Pengendali Depot Kontena di Pulau Pinang bagi pelanggaran Seksyen 4(1) Akta 712.</li> <li>• Keputusan Akhir dikeluarkan terhadap MyEG Services Berhad</li> <li>• MyCC menerima Aku Janji daripada Containerchain Malaysia Sdn Bhd.</li> </ul> |
|------------|--|

## PERISTIWA PENTING SEJAK PENUBUHAN

2017

- |                  |  |
|------------------|--|
| <b>MAC</b>       | <ul style="list-style-type: none"><li>• Tribunal Rayuan Persaingan (TRP) menolak rayuan Prompt Dynamics Sdn Bhd berkenaan kegiatan kartel.</li><li>• MyCC telah menganjurkan Persidangan Persaingan Malaysia 2017 "Competition Law: Breaking Norms, Managing Change".</li></ul>  |
| <b>SEPTEMBER</b> | <ul style="list-style-type: none"><li>• MyCC menerima Aku Janji daripada 13 Pengusaha-Pengusaha Pasir di Kelantan kerana pelanggaran Seksyen 4(2)(a) Akta 712.</li></ul>   |
| <b>DISEMBER</b>  | <ul style="list-style-type: none"><li>• MyCC melengkapkan Kajian Semula Pasaran mengenai sektor farmaseutikal dan bahan binaan dalam industri pembinaan di bawah Akta 712.</li><li>• Tribunal Rayuan Persaingan (TRP) menolak rayuan MyEG Services Berhad dan MyEG Commerce Sdn Bhd terhadap keputusan MyCC.</li></ul> |

2018

- |                 |   |
|-----------------|---|
| <b>FEBRUARI</b> | <ul style="list-style-type: none"><li>• Keputusan Cadangan dikeluarkan terhadap tujuh pusat tuisyen dan pusat jagaan harian bagi pelanggaran Seksyen 4(2)(a) Akta 712.</li></ul>  |
| <b>JULAI</b>    | <ul style="list-style-type: none"><li>• Keputusan cadang dikeluarkan terhadap Dagang Net Technologies Sdn Bhd kerana penyalahgunaan kedudukan dominan bagi pelanggaran Seksyen 10(1) dan Seksyen 10(2)(c) Akta 712.</li></ul> |
| <b>OKTOBER</b>  | <ul style="list-style-type: none"><li>• Keputusan Akhir dikeluarkan terhadap tujuh pusat tuisyen dan penjagaan harian.</li></ul>  |
| <b>NOVEMBER</b> | <ul style="list-style-type: none"><li>• MyCC menandatangani MoU bersama Universiti Utara Malaysia (UUM).</li></ul>  |
| <b>DISEMBER</b> | <ul style="list-style-type: none"><li>• Mahkamah Tinggi mengekalkan keputusan MyCC terhadap Malaysian Airline System Berhad, AirAsia Berhad dan AirAsia X Sdn Bhd.</li></ul>  |


# PENCAPAIAN UTAMA 2018



# PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN

Akta 712 memberi kuasa kepada MyCC untuk menyiasat dan mengambil tindakan terhadap syarikat yang terlibat di dalam amalan antipersaingan. MyCC boleh menyiasat perusahaan, pesaing, pembekal, pelanggan, individu serta mana-mana pihak yang disyaki terlibat dalam amalan antipersaingan atau penyalahgunaan kedudukan dominan. Penyiasatan juga boleh dilakukan oleh MyCC jika diarahkan oleh Menteri atau apabila disyaki terdapat pelanggaran Akta 712 oleh sesuatu perusahaan dan jika terdapat sebarang aduan daripada orang awam.

## GAMBARAN PROSEDUR PENGUATKUASAAN



## PENYIASATAN DAN **PENGUATKUASAAN**

### KEGIATAN PENGUATKUASAAN YANG TELAH DIJALANKAN OLEH MyCC

Pada 2018, MyCC telah menjalankan beberapa penyiasatan dan mengambil tindakan terhadap perusahaan-perusahaan yang telah melakukan pelanggaran dibawah Akta 712.



#### KEPUTUSAN CADANGAN

(SEKSYEN 36)



#### DAPATAN PELANGGARAN

(SEKSYEN 40)

#### Dagang Net Technologies Sdn Bhd ("Dagang Net")

MyCC telah mengeluarkan Keputusan Cadangan pada 10 Julai 2018 terhadap Dagang Net kerana telah menyalahgunakan kedudukan dominannya dalam penyediaan kemudahan perkhidmatan perdagangan bagi "*National Single Window*". Siasatan MyCC mendapati bahawa Dagang Net telah enggan membekalkan peti mel elektronik kepada pengguna Sistem Maklumat Kastam selain mempraktikkan sekatan kemasukan dengan mengenakan klausu eksklusif kepada rakan-rakan perniagaannya ditahap yang boleh memudaratkan persaingan daripada pesaing-pesaingnya di dalam pasaran dan menjadikan pesaing-pesaing yang lain kurang cekap apabila bersaing bersama Dagang Net.

#### Pusat Tuisyen dan Pusat Penjagaan Harian

Pada 26 Oktober 2018, MyCC telah mengeluarkan Keputusan Akhir terhadap tujuh Pusat Tuisyen dan Pusat Penjagaan Harian kerana melanggar Seksyen 4 Akta 712 dengan secara kolektif bersetuju untuk menetapkan dan menyelaraskan yuran yang dikenakan mereka di kawasan sekitar SS19, Subang Jaya. Perjanjian tersebut telah dilakukan pada 12 Mei 2017.

Penalti kewangan berjumlah RM33,068.85 telah dikenakan ke atas tujuh pusat tuisyen dan pusat penjagaan harian tersebut.


Selain itu, MyCC turut mengeluarkan arahan lain seperti berikut:

- (i) berhenti dan memberhentikan kegiatan penetapan harga;
- (ii) menarik balik perjanjian penetapan harga dengan serta-merta; dan
- (iii) mendaftar dan melengkapkan kursus e-Pembelajaran mengenai Pematuhan Persaingan bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana dalam tempoh satu bulan dari tarikh Keputusan Cadangan dikeluarkan.

## PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN

### STATISTIK PENYIASATAN DAN PENILAIAN 2018

MyCC telah menjalankan penyiasatan dan penilaian terhadap perusahaan di Malaysia mengikut peruntukan undang-undang seperti yang termaktub di dalam Akta 712. Ringkasan penyiasatan dan penilaian tersebut adalah seperti berikut:



TAHUN	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	JUMLAH TERIMA	JUMLAH TUTUP
ADUAN	8	69	80	75	51	64	138	485	385
INISIATIF MyCC	2	10	13	6	9	6	0	46	41
ARAHAN MENTERI	1	2	3	1	3	0	3	13	10

## PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN

### ADUAN

Tindakan penguatkuasaan undang-undang persaingan oleh MyCC turut bergantung kepada aduan yang diterima daripada orang ramai. Sesiapa sahaja yang mempunyai sebarang sebab untuk mengesyaki mana-mana perusahaan, pesaing, pembekal, pelanggan, individu atau lain-lain pihak melakukan sebarang tindakan yang bersifat antipersaingan, aduan boleh dipanjangkan kepada MyCC dengan:



Mengisi borang e-aduan di laman sesawang [www.mycc.gov.my/e-complaint](http://www.mycc.gov.my/e-complaint)



Memuat turun atau mencetak borang aduan di laman sesawang [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my) dan menghantar borang yang telah dilengkapkan kepada MyCC melalui

- E-mel: **complaints@mycc.gov.my**,
- Faks: **+603-2272 2293/+603-2272 1692**
- Pos: **Pejabat MyCC, Tingkat 15, Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur**



E-mel maklumat aduan kepada **complaints@mycc.gov.my**



Menghubungi MyCC di **talian +603-2273 2277**



Hadir sendiri ke **pejabat MyCC**

# PROGRAM ADVOKASI

## PROGRAM ADVOKASI DAN KESEDARAN AWAM

Pada tahun 2018, MyCC telah menjalankan sebanyak 30 program advokasi melibatkan pihak swasta dan awam di seluruh negara dalam usahanya untuk meningkatkan kesedaran mengenai Akta 712 dan peranan MyCC.

Mengambil pendekatan yang berbeza untuk 2018, MyCC meraikan ulang tahun penubuhannya yang ketujuh dengan menganjurkan beberapa siri program yang bertemakan #BebasKartel dalam usaha untuk memerangi amalan kartel dan meningkatkan kesedaran tentang salah laku antipersaingan yang perlu ditangani oleh semua pihak.

### #BebasKartel MyCC@7

-  Siri Jelajah - #BebasKartel dengan Penguatkuasaan Akta Persaingan 2010
-  Sesi Meja Bulat mengenai Penguatkuasaan Undang-undang Persaingan di Malaysia - Sambutan Mega #BebasKartel Mega 2018
-  Pertandingan Penulisan Esei 2018 #BebasKartel
-  Bicara Berirama 2018 #Bebaskartel
-  Pertandingan Fotografi 2018 #BebasKartel
-  MyCC Cycle Cyberjaya 'Kayuh Kaw Kaw' 2018

## PROGRAM ADVOKASI



### SIRI JELAJAH #BEBASKARTEL DENGAN PENGUATKUASAAN AKTA PERSAINGAN 2010

Dalam usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran terhadap Akta 712 di kalangan orang awam, MyCC terus mengorak langkah dengan menganjurkan pelbagai acara dan program kesedaran persaingan bagi memupuk suasana dan persekitaran ekonomi yang kondusif kepada perusahaan dan pengguna.

Sempena menyambut ulang tahun MyCC yang ketujuh bagi tahun 2018, MyCC telah menjalankan program advokasi dengan memberi penekanan terhadap tema '#BebasKartel dengan Penguatkuasaan Akta Persaingan 2010' di sembilan buah negeri di Malaysia melibatkan negeri Kedah, Terengganu, Perak, Pahang, Johor, Melaka, Selangor, Negeri Sembilan dan Sarawak yang mempunyai peratusan tahap kesedaran dan

pengetahuan terhadap Akta 712 yang rendah seperti yang dinyatakan di dalam kajian kesedaran yang telah dijalankan oleh MyCC sebelum ini.

Siri jelajah tersebut berlangsung selama sebulan bermula dari bulan Februari sehingga Mac 2018. Taklimat telah disampaikan oleh pegawai-pegawai MyCC dan disasarkan kepada pihak berkepentingan seperti agensi-agensi Kerajaan, komuniti-komuniti perniagaan, persatuan-persatuan pengguna dan pelajar. Peserta yang terlibat turut diperkenalkan dengan Sistem e-Pembelajaran Program Pematuhan Persaingan untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di mana para peserta dapat menilai sendiri tahap pematuhan mereka terhadap Akta 712 ini.

## PROGRAM ADVOKASI



NO	TEMPAT	TARIKH
1.	Hotel Grand Alora, Kedah	21 Februari 2018
2.	Hotel Grand Continental, Terengganu	21 Februari 2018
3.	Hotel Impiana, Perak	22 Februari 2018
4.	Vistana City Centre, Pahang	22 Februari 2018
5.	Hotel Pullman, Sarawak	23 Februari 2018
6.	Hotel New York, Johor	27 Februari 2018
7.	The Straits Hotel and Suite, Melaka	28 Februari 2018
8.	UiTM Shah Alam, Selangor	7 Mac 2018
9.	Hotel Royal Chulan, Negeri Sembilan	8 Mac 2018

## PROGRAM ADVOKASI



### PERTANDINGAN BICARA BERIRAMA #BEBASKARTEL BERKAITAN UNDANG- UNDANG PERSAINGAN 2018

Pada 28 Mac 2018, MyCC telah menganjurkan "Pertandingan Bicara Berirama" buat julung kalinya berkaitan Undang-undang Persaingan yang bertemakan #BebasKartel. Pertandingan ini dianjurkan sempena meraikan ulang tahun ketujuh penubuhan MyCC.

Memupuk minda generasi milenial berkenaan idea persaingan yang sihat serta menanam idea kecekapan, inovasi dan keusahawanan kepada pelajar di peringkat sekolah menengah adalah penting kerana mereka akan menjadi ejen transformatif negara pada masa akan datang demi untuk mencapai aspirasi menjadi negara kelas pertama.

Oleh itu, acara ini bukan sahaja sesuai tetapi penting untuk meningkatkan minat dan kesedaran di kalangan pelajar tentang undang-undang persaingan di Malaysia tetapi

juga dapat melahirkan bakat-bakat di dalam undang-undang persaingan pada masa akan datang.

Bicara berirama adalah pertandingan yang menarik dan menyeronokkan sambil mengetengahkan kerja berpasukan, disiplin dan kreativiti di kalangan pelajar. Sifat-sifat ini dapat dilihat dengan jelas di dalam aksi-aksi pelajar yang telah berlatih gigih dan memperlihatkan bakat mereka di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur. Inisiatif ini adalah usahasama di antara MyCC dan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Johan pertandingan telah disandang oleh SMK Jalan Bukit Kajang dengan SMK Convent Bukit Nanas dan SM Sains Kuala Selangor masing-masing muncul sebagai pemenang tempat kedua dan ketiga.

## PROGRAM ADVOKASI

### PERTANDINGAN

### #BEBASKARTEL MENGENAI UNDANG-UNDANG PERSAINGAN 2018

Sambutan ulang tahun ketujuh MyCC diteruskan dengan pengajian pertandingan fotografi dengan menjemput jurugambar profesional dan bukan profesional dari seluruh negara untuk menyertai pertandingan ini.

Bertemakan #BebasKartel, pertandingan ini bertujuan untuk mempromosikan media sosial MyCC dan meningkatkan kesedaran mengenai isu kartel di kalangan orang ramai. Ini secara tidak langsung membantu mereka memperoleh pemahaman yang mendalam mengenai undang-undang persaingan.



**MOHD SAMSI BIN SUMAIRI** (Tempat Pertama)

#### Kartel Daging

Persaingan di pasaran

### FOTOGRAFI



**CLEMENT CHOW KAY MEN** (Tempat Kedua)

#### Lampu dan Rantai

Bebas kartel, bebas kartel, luaskan peluangmu



**WONG KID YIE** (Tempat Ketiga)

#### Pelbagai Pilihan Di Pasaraya

Lebih persaingan di dalam pasaran

## PROGRAM ADVOKASI



### #BEBASKARTEL "KAYUH KAW KAW" DAN FUN RIDE BAGI MENINGKATKAN KESEDARAN BERKAITAN UNDANG-UNDANG PERSAINGAN

Pada 31 Mac 2018, MyCC telah menganjurkan "Cycle Cyberjaya #BebasKartel Kayuh Kaw Kaw 2018" yang pertama di Dataran Park & Ride, Cyberjaya. Ia diadakan bersempena dengan ulang tahun MyCC yang ketujuh pada 1 April 2018.

Acara ini dianjurkan dengan tujuan utama untuk mendidik orang ramai berkenaan Akta 712 melalui konsep *fun ride*.

Seramai 500 peserta dari kelab berbasikal, orang awam, pegawai Kerajaan dan rakan media telah mengambil bahagian dalam acara 30km "#BebasKartel Kayuh Kaw Kaw" dan kategori 2km *fun ride*. Antara tarikan lain program ini adalah pameran basikal-basikal lama dan beca-beca yang dibawa khas dari Perak dan Melaka. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Muez Abd. Aziz, Timbalan Ketua Setiausaha, KPDNHEP.

Acara ini secara tidak langsung menggalakkan orang ramai untuk menjadi lebih arif dan sedar tentang kepentingan #BebasKartel.

## PROGRAM ADVOKASI



### #BEBASKARTEL MEGA CELEBRATION

#BebasKartel Mega Celebration yang berlangsung pada 3 April 2018 di Hotel Le Meridien, Kuala Lumpur telah dihadiri oleh 200 tetamu. Majlis ini dimulakan dengan satu "Sesi Meja Bulat mengenai Penguatkuasaan Persaingan Undang-undang di Malaysia" bersama para panel yang terdiri daripada pakar-pakar undang-undang persaingan dan wakil-wakil daripada agensi-agensi pengawal selia sektor-sektor lain bagi membincangkan isu-isu yang melibatkan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang persaingan di negara ini serta memberikan pendedahan yang menyeluruh mengenai fungsi dan peranan MyCC.

Acara kemuncak ulang tahun ketujuh penubuhan MyCC ini telah dirasmikan oleh Y.B. Dato' Seri Hamzah Zainudin, Mantan Menteri KPDNHEP. MyCC turut berkesempatan melancarkan buku panduan Pelan Advokasi dan Komunikasi Persaingan 2018-2020 yang merupakan strategi MyCC dalam menyediakan rangka kerja yang akan dilaksanakan pada fasa ketiga pelaksanaan advokasi persaingan di negara ini. Selain itu, video korporat MyCC yang terbaharu turut dilancarkan semasa majlis tersebut berlangsung.

Di antara acara lain yang dijalankan sebelum berlabuhnya tirai majlis ini adalah sesi penyampaian hadiah bagi meraikan para pemenang pertandingan menulis esei, pertandingan fotografi, pertandingan bicara berirama antara sekolah-sekolah menengah dan 'MyCC Cycle Cyberjaya Kayuh Kaw Kaw' yang telah dijalankan sejak Februari hingga Mac 2018.

## PROGRAM ADVOKASI



## PROGRAM ADVOKASI



### FORUM MENGHADAPI CABARAN TIPUAN BIDA DAN MONOPOLI DALAM SEKTOR AWAM

MyCC telah menganjurkan program khusus berkaitan tipuan bida yang bertajuk Forum Menghadapi Cabaran Tipuan Bida dan Monopoli dalam Sektor Awam yang telah diadakan pada 25 Oktober 2018 di Hotel Bangi, Putrajaya. Forum ini adalah salah satu usaha berterusan MyCC dalam meningkatkan pemahaman serta kesedaran pegawai-pegawai Kerajaan mengenai kepentingan Akta 712 dan memberi panduan mengenai pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang berkesan dalam usaha menangani isu tipuan bida dalam sektor perolehan awam. Selain itu, MyCC telah bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Kewangan dan Jabatan Audit Negara bagi membincangkan isu-isu persaingan dalam perolehan awam.



### ROUNDTABLE SESSION WITH ACADEMICS, REGULATORS, CHAMBERS, ASSOCIATION AND PRACTITIONERS

MyCC juga telah menganjurkan "*Roundtable Session with Academics, Regulators, Chambers, Association and Practitioners*" yang telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Seri Mohd Hishamudin Md Yunus Pengurus MyCC pada 7 November 2018 di Hotel Le Meridien, Kuala Lumpur. Sesi meja bulat ini merupakan usaha MyCC untuk mendapatkan maklum balas berkaitan peranan, fungsi dan kesan penguatkuasaan undang-undang persaingan sepanjang tujuh tahun penubuhan MyCC. Peserta-peserta yang hadir adalah dari kalangan pengawal selia sektor-sektor di Malaysia, pengamal undang-undang, ahli akademik, pelajar, serta ahli-ahli persatuan dan perusahaan.

## PROGRAM ADVOKASI



### MAJLIS MENANDATANGANI MoU BERSAMA UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

MyCC telah menandatangani MoU bersama UUM pada 27 November 2018. Wujudnya kerjasama melalui MoU di antara pihak MyCC dan UUM adalah bertujuan untuk menggalakkan lagi bidang pendidikan dan penyelidikan berkaitan dengan dasar dan undang-undang persaingan di Malaysia melalui usaha membangunkan modul dan subjek berkaitan undang-undang persaingan di universiti tersebut. Melalui MoU ini juga, ianya akan dapat membantu MyCC dalam merancang dan melaksanakan program latihan dan advokasi di antara kedua-dua pihak.

Selain itu, *Research Grant Programme* juga telah menggalakkan lebih ramai pakar penyelidik menghasilkan kajian-kajian penyelidikan dalam jangkamasa pendek mengenai dasar dan undang-undang persaingan.

### "CONFERENCE ON THE CHALLENGES IN ENFORCING COMPETITION LAW IN MALAYSIA"

MyCC dengan kerjasama Badan Peguam Malaysia telah menganjurkan "Conference on the Challenges in Enforcing Competition Law in Malaysia" bertempat di Raja Aziz Addruse Auditorium, Kuala Lumpur pada 27 November 2018. Persidangan ini telah dirasmikan oleh Y.B. Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Menteri KPDNHEP dan merupakan inisiatif MyCC dalam memberi kesedaran kepada pengamal-pengamal undang-undang, peguam-peguam, ahli akademik, dan para pelajar mengenai peranan MyCC dan pelaksanaan Akta 712 di Malaysia. Persidangan ini telah menjadi platform yang berkesan untuk memberi pendedahan yang lebih mendalam terhadap dasar dan undang-undang persaingan memandangkan pengetahuan dan pengalaman disampaikan secara langsung oleh penceramah-penceramah yang pakar dalam perihal persaingan.

# PROGRAM ADVOKASI

## AKTIVITI ADVOKASI 2018

		
<b>25 JANUARI 2018</b>	Istana Hotel, Kuala Lumpur	Seminar "Combatting Procurement Fraud And Corruption In The Public & Private Sectors Seminar 2018" - Latest Updates on Malaysia Competition Act 2010 from MyCC with Case Studies on Action Taken" (dikelolakan oleh Aram Gopal Sdn Bhd)
<b>21 FEBRUARI 2018</b>	Hotel Grand Alora, Kedah	Siri Jelajah #bebaskartel dengan Penguatkuasaan Akta 712
<b>21 FEBRUARI 2018</b>	Hotel Grand Continental, Terengganu	Siri Jelajah #bebaskartel dengan Penguatkuasaan Akta 712
<b>27 FEBRUARI 2018</b>	Hotel New York, Johor	Siri Jelajah #bebaskartel dengan Penguatkuasaan Akta 712
<b>28 FEBRUARI 2018</b>	The Strait and Suite, Melaka	Siri Jelajah #bebaskartel dengan Penguatkuasaan Akta 712
<b>07 MAC 2018</b>	Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor	Siri Jelajah #bebaskartel dengan Penguatkuasaan Akta 712
<b>08 MAC 2018</b>	Hotel Royal Chulan, Negeri Sembilan	Siri Jelajah #bebaskartel dengan Penguatkuasaan Akta 712
<b>28 MAC 2018</b>	Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur	Pertandingan Bicara Berirama #bebaskartel
<b>31 MAC 2018</b>	Park & Ride Cyberjaya, Selangor	"Kayuh Kaw Kaw" #bebaskartel
<b>03 APRIL 2018</b>	Hotel Le Meridien, Kuala Lumpur	"Roundtable Session on Competition Law Enforcement in Malaysia" sempena #BEBASKARTEL Mega Celebration 2018
<b>25 APRIL 2018</b>	Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur	"MyCC Classroom" bersama UM
<b>25 APRIL 2018</b>	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor	"MyCC Classroom" bersama UKM
<b>02 MEI 2018</b>	iCOOP College, Petaling Jaya, Selangor	"MyCC Classroom" bersama Kolej iCOOP (MKM)
<b>14 MEI 2018</b>	Taylor's University, Subang Jaya, Selangor	"MyCC Classroom" bersama Taylor's University

## PROGRAM ADVOKASI

		
<b>5 JULAI 2018</b>	Hotel Bayview Georgetown, Pulau Pinang	Taklimat kepada Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)
<b>12 JULAI 2018</b>	Auditorium Dato' Abdul Majid, MKM	Taklimat "Manfaat Akta Persaingan 2010 Kepada Koperasi"
<b>10 OGOS 2018</b>	Hotel Everly, Putrajaya	"MyCC Role in Ensuring Competition in Procurement" bersama Pusat Latihan UMW
<b>16 OGOS 2018</b>	Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur	<i>International Malaysia Law Conference 2018</i>
<b>5 SEPTEMBER 2018</b>	INTAN, Kuala Lumpur	Taklimat Market Structure (Overview of MyCC & Market Review)
<b>18 SEPTEMBER 2018</b>	Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah	"MyCC Classroom" bersama UUM
<b>5 OKTOBER 2018</b>	Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor	"MyCC Classroom" bersama UiTM, Fakulti Komunikasi dan Media
<b>12 OKTOBER 2018</b>	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA), Kuala Lumpur	"MyCC Classroom" bersama UIA, Ahmad Ibrahim Kulliyyah of Laws (AIKOL)
<b>25 OKTOBER 2018</b>	Hotel-Bangi Putrajaya, Bangi, Selangor	Forum Menghadapi Cabaran Tipuan Bida dan Monopoli dalam Sektor Awam
<b>7 NOVEMBER 2018</b>	Hotel Le' Meridien, KL Sentral, Kuala Lumpur	<i>Roundtable Session with Academics, Regulators and Practitioners</i>
<b>27 NOVEMBER 2018</b>	Auditorium Raja Aziz Addruse, Majlis Peguam, Kuala Lumpur	"Majlis Menandatangai Memorandum Persefahaman" bersama UUM & UPM & Conference On The Challenges In Enforcing Competition Law In Malaysia
<b>27-28 NOVEMBER 2018</b>	Hotel Intercontinental, Kuala Lumpur	<i>MIER Conference 2018 – National Economic Outlook Conference 2019-2020</i>
<b>3 DISEMBER 2018</b>	Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, Selangor	<i>CA@Universiti Putra Malaysia Faculty of Economics and Management</i>

# PROGRAM ANTARABANGSA

## PROGRAM PEMBINAAN KAPASITI PERINGKAT ANTARABANGSA

MyCC telah menganjurkan beberapa program pembangunan kapasiti bagi anggota-anggota Suruhanjaya serta para pegawai MyCC di mana program-program tersebut juga telah memberi manfaat kepada para pegawai daripada agensi-agensi lain termasuk KPDNHEP yang turut sama dijemput menghadiri program-program tersebut.



## ASEAN TELECOMMUNICATIONS AND COMPETITION REGULATION WORKSHOP

MyCC telah menjadi hos bagi program *ASEAN Telecommunications and Competition Regulation Workshop* yang telah dianjurkan pada 25-26 April 2018 di Hotel Cititel Mid Valley, Kuala Lumpur. Program ini merupakan anjuran bersama di antara MyCC dan Sekretariat ASEAN serta *Australian Competition and Consumer Commission (ACCC)* di bawah program *ASEAN-Australia-New Zealand Free Trade Area (AANZFTA) Competition Law Implementation Program (CLIP)*. Program ini telah dihadiri oleh 40 orang pegawai-pegawai daripada agensi-agensi persaingan di rantau ASEAN dan pegawai-pegawai kanan dari agensi-agensi pengawal selia sektor telekomunikasi yang bertanggungjawab ke atas penguatkuasaan undang-undang persaingan di dalam sektor tersebut. Program ini berjaya memberi pendedahan kepada para peserta mengenai isu-isu persaingan dalam sektor telekomunikasi di rantau ASEAN di samping mengeratkan hubungan kerjasama di antara agensi-agensi persaingan dengan agensi-agensi pengawal selia sektor telekomunikasi di kalangan Negara Anggota ASEAN.

## PROGRAM ANTARABANGSA



### PROGRAM PENEMPATAN ANTARABANGSA

Pada 2018, MyCC telah mengambil bahagian dalam program peminjaman dan pembelajaran melalui *Competition Law Implementation Program* (CLIP) bagi Negara-negara Anggota ASEAN (AMS) di *Australian Competition and Consumer Commission* (ACCC) di Canberra, Australia. Pegawai MyCC, Farha Nabiha Mustaffa dan Nurul Afiqah Soohaimi telah dipinjamkan ke ACCC selama 10 minggu bermula dari 16 Julai hingga 21 September 2018. Program ini memberi peluang kepada para pegawai untuk mendapatkan pengalaman kerja praktikal melalui ACCC. Program ini juga membantu mengukuhkan keupayaan para pegawai dalam pengurusan kes dan proses penyiasatan. Para pegawai juga telah ditaja oleh ACCC untuk mempelajari undang-undang persaingan dan ekonomi secara dalam talian melalui program *Global Masters of Competition and Consumer Law* di *University of Melbourne*.

### BENGKEL ECONOMIC ANALYSIS ON COMPETITION LAW

Satu sesi bersama pakar ekonomi persaingan iaitu Prof. Dr. Hung Hao Chang yang juga merupakan mantan Pesuruhjaya, *Taiwan Fair Trade Commission* (TFTC) telah berlangsung pada 14 hingga 16 Ogos 2018. Program ini telah dihadiri oleh anggota-anggota Suruhanjaya Persaingan Malaysia dan Tribunal Rayuan Persaingan serta pegawai-pegawai MyCC. Inisiatif pembangunan kapasiti ini adalah bermatlamat untuk memperkasakan keupayaan kepakaran dalam membuat analisis ekonomi dan penilaian terhadap kes-kes antipersaingan.

## PROGRAM ANTARABANGSA



### ***OECD/KPC COMPETITION LAW WORKSHOP ON MARKET DEFINITION***

MyCC dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) telah menjadi hos bersama bagi bengkel *Competition Law Workshop On Market Definition* anjuran *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)/Korea Policy Centre (KPC)* pada 5-7 September 2018 di Hotel Maya, Kuala Lumpur. Program ini telah dihadiri oleh 70 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai MyCC, MAVCOM dan agensi-agensi persaingan di rantau Asia serta penceramah pakar persaingan dari KPC, OECD, Kesatuan Union (EU) dan United Kingdom (UK). Program ini telah berjaya membina pemahaman para peserta ke atas definisi produk dan pasaran geografi yang berkaitan dengan kes-kes persaingan terutamanya yang melibatkan penyalahgunaan kedudukan dominan serta penggabungan dan pengambilalihan. Program ini juga berjaya menyediakan platform bagi para peserta untuk mempelajari teknik-teknik dan langkah-langkah menjalankan analisis yang berkaitan dengan definisi pasaran ekonomi dan seterusnya membolehkan perkongsian kajian serta kes-kes berkaitan persaingan oleh pakar-pakar persaingan.

### ***BENGKEL INVESTIGATIVE STRATEGIES AND TECHNIQUES TO FIGHT BID RIGGING CARTELS***

Pada 27-28 November 2018, MyCC dengan kerjasama Korea Fair Trade Commission (KFTC) telah menganjurkan bengkel *Investigative Strategies and Techniques to Fight Bid Rigging Cartels* bertempat di Malaysian Investment Development Authority (MIDA), Kuala Lumpur. Bengkel ini merupakan platform untuk bertukar pandangan bersama pakar dari KFTC mengenai isu-isu berkaitan tipuan bida. Bengkel ini juga bertujuan untuk memahami dengan lebih mendalam teknik-teknik, strategi dan amalan terbaik untuk memperkasakan penguatkuasaan MyCC dalam mengatasi amalan tipuan bida di Malaysia.

## PROGRAM ANTARABANGSA

### PENYERTAAN DI DALAM PROGRAM PEMBINAAN KAPASITI ANTARABANGSA 2018

Pada 2018, MyCC telah menghadiri 26 program di peringkat antarabangsa. Program tersebut termasuk bengkel, seminar dan persidangan yang meliputi dasar dan undang-undang persaingan. Penyertaan MyCC di program-program ini memberi manfaat kepada pegawai-pegawai MyCC dalam mendapatkan pengetahuan bagi membantu melaksanakan undang-undang persaingan di Malaysia melalui pertukaran maklumat dan pengalaman dengan peserta-peserta negara lain.

		
17 - 18 JANUARI	BRUNEI DARUSSALAM	<i>Sub Regional Workshop on the Selection and Prioritisation of Sectors or Industries for Market Studies</i>
01 - 02 FEBRUARI	MAKATI, FILIPINA	<i>The 2018 Manila Forum on Competition in Developing Countries ("Manila Forum")</i>
01 - 02 MAC	PORT MORESBY, PAPUA NEW GUINEA	<i>APEC Workshop on "Merger Control Regimes"</i>
09 - 10 MAC	SINGAPURA	<i>Seventh Annual Law Leaders Asia-Pacific Conference 2018</i>
20 - 23 MAC	NEW DELHI, INDIA	<i>ICN Annual Conference 2018</i>
20 - 22 MAC	MANILA, FILIPINA	<i>AANZFTA Competition Law Implementation Program (CLIP)-Module 1: Cartel Investigations Workshop</i>
18 - 19 APRIL	SURABAYA, INDONESIA	<i>Workshop on Developing The Capacity to Negotiate Competition Policy Provision In Free Trade Agreements (FTAs)</i>
25 - 26 APRIL	KUALA LUMPUR	<i>ASEAN Telecommunications and Competition Regulation Workshop</i>
02 - 04 MEI	SEOUL, KOREA	<i>2018 ICN-OECD/KPC Competition Economics Workshop for Chief / Senior Economists</i>
31 MEI - 01 JUN	SEOUL, KOREA	<i>American Bar Association Section of Antitrust Law: Antitrust in Asia</i>
26 - 28 JUN	MANILA, FILIPINA	<i>AANZFTA Competition Law Implementation Program (CLIP) – Module Two: Cartel Investigations Workshop</i>
03 - 06 JULAI	BALI, INDONESIA	<i>The Economics of Competition Law Enforcement</i>
09 - 20 JULAI	BRUGES, BELGIUM	<i>The Competition Summer School</i>

# PROGRAM ANTARABANGSA

## PENYERTAAN DI DALAM PROGRAM PEMBINAAN KAPASITI ANTARABANGSA 2018

			
<b>16 JULAI - 21 SEPTEMBER</b>	<b>AUSTRALIA</b>	Program Penempatan Antarabangsa di <i>Australian Competition &amp; Consumer Commission (ACCC)</i>	
<b>26 - 28 JULAI</b>	<b>SINGAPURA</b>	<i>ASEAN Law Association (ALA)Law Conference</i>	
<b>06 - 07 OGOS</b>	<b>SINGAPURA</b>	<i>Sub Regional Workshop on "Big Data and Competition Law"</i>	
<b>11 OGOS</b>	<b>PORT MORESBY, PAPUA NEW GUINEA</b>	<i>FTAAP Capacity Building Workshop on Competition Chapter in FTAs / EPAs</i>	
<b>14 - 16 OGOS</b>	<b>BANGKOK, THAILAND</b>	<i>AANZFTA Competition Law Implementation Program (CLIP) – Investigations Module Three: Masterclass</i>	
<b>05 - 07 SEPTEMBER</b>	<b>KUALA LUMPUR</b>	<i>OECD/KPC Competition Law Workshop on Market Definition (Hosted by MAVCOM)</i>	
<b>26 - 27 SEPTEMBER</b>	<b>BALI, INDONESIA</b>	<i>Regional Antitrust Seminar on E-Commerce and Competition</i>	
<b>12 OKTOBER</b>	<b>SINGAPURA</b>	<i>ICN AEWG ASEAN Competition Officials Workshop on Business Compliance with Competition Law</i>	
<b>30 - 31 OKTOBER</b>	<b>BRUNEI DARUSSALAM</b>	<i>Construction and Competition Regulation Workshop</i>	
<b>06 - 08 NOVEMBER</b>	<b>HANOI, VIETNAM</b>	<i>AANZFTA Competition Law Implementation Program (CLIP) – Module Four: Cartel Investigations Workshop: Investigating Abuse of Dominance</i>	
<b>07 - 08 NOVEMBER</b>	<b>TOKYO, JEPUN</b>	<i>2018 ICN Merger Workshop</i>	
<b>27 - 28 NOVEMBER</b>	<b>KUALA LUMPUR</b>	<i>Workshop on Investigative Strategies and Techniques to Fight Bid Rigging Cartels</i>	
<b>29 - 30 NOVEMBER</b>	<b>PARIS, PERANCIS</b>	<i>The 17<sup>th</sup> OECD Global Forum on Competition</i>	

# PROGRAM ANTARABANGSA

## MESYUARAT ANTARABANGSA 2018

		
<b>31 JANUARI</b>	<b>MAKATI, FILIPINA</b>	<i>Manila Forum / Heads of ASEAN Competition Agencies Meeting</i>
<b>3 MAC</b>	<b>PORT MORESBY, PAPUA NEW GUINEA</b>	<i>APEC 2018 First Senior Officials' Meeting (SOM1) and Related Meetings - Competition Policy and Law Group (CPLG)</i>
<b>05 - 06 MAC</b>	<b>SINGAPURA</b>	<i>21<sup>th</sup> AEGC &amp; Related Meetings</i>
<b>28 OGOS</b>	<b>SYDNEY, AUSTRALIA</b>	<i>AANZFTA Heads of Agency Roundtable</i>
<b>29 - 30 OGOS</b>	<b>SYDNEY, AUSTRALIA</b>	<i>14<sup>th</sup> East Asia Top Level Official's Meeting on Competition Policy (EATOP) &amp; The 11<sup>th</sup> East Asia Conference on Competition</i>
<b>08 - 11 OKTOBER</b>	<b>SINGAPURA</b>	<i>The 22<sup>nd</sup> Meeting of The ASEAN Experts Group on Competition and Related Meetings (AEGC), The First Meeting of the ASEAN Competition Enforcer's Network (ACEN), The 5<sup>th</sup> Joint Consultations between The AEGC and Development Partners, 1<sup>st</sup> Sub-Project Steering Committee (PSC) Meeting for the ASEAN-German Cooperation Project &amp; The 9<sup>th</sup> Meeting of the AANZFTA Committee on Competition</i>
<b>28 NOVEMBER</b>	<b>PARIS, PERANCIS</b>	<i>2<sup>nd</sup> Meeting of High Level Representatives of Asia-Pacific Competition Authorities</i>

# PUBLISITI DAN PERHUBUNGAN AWAM

Pelbagai aktiviti publisiti dan promosi telah dijalankan oleh MyCC sepanjang tahun 2018 dalam usaha meningkatkan tahap kesedaran perusahaan-perusahaan mengenai kepentingan wujudnya aktiviti persaingan di dalam sesuatu pasaran perniagaan. Inisiatif-inisiatif yang telah dijalankan termasuklah mengadakan pameran, temu bual dan wawancara di media massa seperti radio, televisyen dan surat khabar, serta sesi latihan kepada pengamal media tentang fungsi dan peranan MyCC.

MyCC turut mengeluarkan kenyataan akhbar melalui media cetak dan elektronik mengenai kes-kes dan isu-isu yang melibatkan persaingan serta melakukan publisiti melalui media sosial dan portal rasmi MyCC. MyCC juga telah menerbitkan buku-buku panduan dan brosur berkaitan dengan Akta 712 supaya perusahaan dan orang awam dapat memahami Akta tersebut dengan lebih mendalam.

## PENGLIBATAN DI DALAM PROGRAM KEMENTERIAN DAN AGENSI

MyCC turut terlibat di dalam program-program yang dikendalikan oleh KPDNHEP dan agensi-agensi di bawahnya sepanjang tahun 2018, di antaranya seperti berikut:



8 FEBRUARI



9 - 10 MAC



13 - 14 MAC



20 MAC



20 - 22 APRIL



28 APRIL



14 - 15 OGOS



13 SEPTEMBER

## PUBLISITI DAN PERHUBUNGAN AWAM



### PROGRAM-PROGRAM LAIN OLEH MyCC

Bagi mengukuhkan lagi publisiti dan perhubungan awam MyCC, beberapa program telah dijalankan pada tahun 2018 seperti Program Tanggungjawab Sosial Korporat kepada golongan anak-anak asnaf dan fakir miskin di Sekolah Kebangsaan Seri Cheras, Kuala Lumpur.

Pada 8 November 2018, MyCC turut menjalankan latihan untuk memberikan pendedahan kepada pihak media akan fungsi dan peranan MyCC dalam usaha memastikan orang awam dan pihak berkepentingan mendapat maklumat yang tepat mengenai MyCC dan Akta 712.

### TEMUBUAL DAN WAWANCARA

MyCC turut mengadakan beberapa siri temu bual dan wawancara dalam rancangan Malaysia Hari Ini, Akhbar Utusan Malaysia, New Straits Times, The Star dan Radio Nasional FM tentang fungsi dan peranan MyCC serta isu-isu dan perkembangan terkini mengenai MyCC dan undang-undang persaingan di Malaysia.

### KENYATAAN AKHBAR

Sebanyak 13 kenyataan akhbar telah dikeluarkan oleh MyCC yang melibatkan Keputusan Cadangan terhadap tujuh pusat tuisyen dan pusat penjagaan harian, Keputusan Cadangan terhadap Dagang Net Technologies Sdn Bhd, isu-isu melibatkan persaingan, pelantikan Pengerusi MyCC dan Anggota Suruhanjaya, pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif yang baharu serta program-program advokasi yang telah dijalankan oleh MyCC sepanjang tahun 2018.

### LAMAN SESAWANG RASMI DAN PLATFORM MEDIA SOSIAL MyCC

MyCC turut berkongsi aktiviti publisiti dan perhubungan awam melalui laman sesawang serta media sosial dalam menyebarkan maklumat terkini kepada orang awam.

Laman Sesawang Rasmi MyCC:

 [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)

Media Sosial MyCC:

   @themycc

# PUBLISITI DAN PERHUBUNGAN AWAM

## Berita MyCC

**MyCC cadang kenakan penalti tujuh pusat tuisyen**

MYCC CHAIRMAN Mohd Radzi Yassin Razali said MyCC has proposed to impose a total of RM7 million in penalties on seven central auctioneers (tuisyen) if they do not change their practices.

"The investigations revealed that most of the local auctioneers' practices have been found to be unfair to consumers," he said in a statement.

"MyCC urges the seven central auctioneers to change their practices to ensure that they are fair to consumers," he said.

Earlier, MyCC proposed to impose a total of RM5 million in penalties on six local auctioneers.

MYCC CHAIRMAN Mohd Radzi Yassin Razali said MyCC has proposed to impose a total of RM7 million in penalties on seven central auctioneers (tuisyen) if they do not change their practices to ensure that they are fair to consumers.

Earlier, MyCC proposed to impose a total of RM5 million in penalties on six local auctioneers.

**MAS, AirAsia kekal didenda RM10j**

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Mohd Radzi Yassin Razali, Chairman of the Malaysian Competition Commission (MyCC), said AirAsia will still face a RM10 million fine despite the court's recent ruling.

The Federal Court of Malaysia dismissed AirAsia's appeal against the decision to impose the fine on the airline, which was made by the High Court in January.

"AirAsia has to accept that it breached the law and it must pay the fine," Radzi told reporters after the hearing at the Kuala Lumpur High Court on Wednesday.

Earlier, the Federal Court upheld the High Court's decision to impose the fine on AirAsia, which had argued that the original fine was imposed despite the fact that the airline had not breached the competition law.

**Competing on merit**

MYCC CHAIRMAN Mohd Radzi Yassin Razali said MyCC has proposed to impose a total of RM7 million in penalties on seven central auctioneers (tuisyen) if they do not change their practices to ensure that they are fair to consumers.

Earlier, MyCC proposed to impose a total of RM5 million in penalties on six local auctioneers.

MYCC conducts first choral speaking contest on competition law

KUALA LUMPUR: The Malaysian Competition Commission (MyCC) has conducted its first annual choral speaking competition on competition law, with 14 students from local universities participating.

The competition, which was held at the Universiti Malaya Auditorium, involved four teams of four students each presenting their knowledge and understanding of competition law through a series of questions and answers.

The competition was open to all students in Malaysia who had completed at least one course on competition law.

MYCC also plans to hold similar competitions in the future to encourage more students to learn about competition law.

**MyCC lantik Pengerusi, Ahli Suruhanjaya**

MYCC CHAIRMAN Mohd Radzi Yassin Razali said MyCC has proposed to impose a total of RM7 million in penalties on seven central auctioneers (tuisyen) if they do not change their practices to ensure that they are fair to consumers.

Earlier, MyCC proposed to impose a total of RM5 million in penalties on six local auctioneers.

**Food industry on MyCC's menu this year**

MYCC CHAIRMAN Mohd Radzi Yassin Razali said MyCC has proposed to impose a total of RM7 million in penalties on seven central auctioneers (tuisyen) if they do not change their practices to ensure that they are fair to consumers.

Earlier, MyCC proposed to impose a total of RM5 million in penalties on six local auctioneers.

**MoU to include competition law in IPT syllabus**

MYCC CHAIRMAN Mohd Radzi Yassin Razali said MyCC has proposed to impose a total of RM7 million in penalties on seven central auctioneers (tuisyen) if they do not change their practices to ensure that they are fair to consumers.

Earlier, MyCC proposed to impose a total of RM5 million in penalties on six local auctioneers.

**DNeX unit gets RM17.4mil penalty proposal from MyCC**

PETALING JAYA: The Malaysian Competition Commission (MyCC) has proposed a RM17.4 million fine against DNeX Unit Sdn Bhd for abusing its dominant position in the provision of optical fibre services in Malaysia.

MyCC said in a statement that the unit gained market power through its long-term supply contracts with the state-owned telephone company, Telekom Malaysia Berhad, and other service providers.

The commission has proposed that DNeX Unit should discontinue its practice of giving discounts to its main customers, which would have made the unit competitive with other service providers competing with it.

MyCC has also proposed to improve the disclosure of DNeX Unit's costs and depict its



# PENYATA KEWANGAN



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 18.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713).

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksana berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Persaingan Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

#### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Anggota Suruhanjaya, Suruhanjaya Persaingan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

#### **Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713). Anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Persaingan Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

#### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersetujuan untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersetujuan tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya Persaingan Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Persaingan Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia memberi gambaran yang saksama.

#### Laporan Mengenai Keperluan Perundungan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

**Hal-hal Lain**

Laporan ini disediakan untuk Anggota Suruhanjaya dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(FARIZAH BINTI HARMAN)  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
10 SEPTEMBER 2019





**PENYATA PENGURUSI DAN SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA SURUHANJAYA  
PERSAINGAN MALAYSIA**

Kami **DATO' SERI MOHD HISHAMUDIN BIN MD YUNUS dan MOHD HASSAN BIN AHMAD** yang merupakan Pengurus dan salah seorang Anggota Suruhanjaya **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Suruhanjaya, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA** pada **31 DISEMBER 2018** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Mohd Hishamudin".

Bagi pihak Lembaga,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Mohd Hassan".

**DATO' SERI MOHD HISHAMUDIN BIN MD YUNUS**  
**PENGURUSI**  
**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**

**MOHD HASSAN BIN AHMAD**  
**ANGGOTA**  
**SURUHANJAYA PERSAINGAN**  
**MALAYSIA**

**TARIKH: 29 OGOS 2019**  
**TEMPAT:KUALA LUMPUR**

**TARIKH: 29 OGOS 2019**  
**TEMPAT:KUALA LUMPUR**

Suruhanjaya Persaingan Malaysia  
Malaysia Competition Commission (MyCC)  
Level 15, Menara SSM @ Sentral,  
No.7, Jalan Stesen Sentral 5,  
Kuala Lumpur Sentral,  
50623 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2273 2277  
Faks : +603 2272 1692  
[www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)



**PENGAKUAN OLEH KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**

Saya, **ISKANDAR BIN ISMAIL**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
 diakui oleh penama di atas )  
 di ..... )  
 KUALA LUMPUR ..... )  
 pada ..... )  
 29 AUG 2019 ..... )

.....  
**ISKANDAR BIN ISMAIL**  
 KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,  
 SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA



5B, JALAN RAKYAT  
 ( JALAN TRAVERS )  
 BRICKFIELDS  
 50470 KUALA LUMPUR

Suruhanjaya Persaingan Malaysia  
 Malaysia Competition Commission (MyCC)  
 Level 15, Menara SSM @ Sentral,  
 No.7, Jalan Stesen Sentral 5,  
 Kuala Lumpur Sentral,  
 50623 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2272 2277  
 Faks : +603 2272 1692  
[www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, Loji dan Peralatan	6	985,215	919,240
<b>Jumlah Aset Bukan Semasa</b>		<b>985,215</b>	<b>919,240</b>
<b>ASET SEMASA</b>			
Deposit dan Prabayar	7	223,090	216,576
Faedah Terakru		446,214	482,400
Pelbagai Penghutang		9,350	72,201
Tunai dan Kesetaraan Tunai	8	21,874,918	19,431,100
<b>Jumlah Aset Semasa</b>		<b>22,553,572</b>	<b>20,202,277</b>
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>23,538,787</b>	<b>21,121,517</b>
<b>EKUITI</b>			
Lebihan Terkumpul		16,553,654	18,064,057
<b>JUMLAH EKUITI</b>		<b>16,553,654</b>	<b>18,064,057</b>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Geran Kerajaan Tertunda		439,296	557,260
<b>Jumlah Liabiliti Bukan Semasa</b>		<b>439,296</b>	<b>557,260</b>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Akruan dan Peruntukan		64,058	46,108
Pembiutang	9	6,481,779	2,454,092
<b>Jumlah Liabiliti Semasa</b>		<b>6,545,837</b>	<b>2,500,200</b>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<b>6,985,133</b>	<b>3,057,460</b>
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>		<b>23,538,787</b>	<b>21,121,517</b>

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

## PENYATA PENDAPATAN

### BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
<b>PENDAPATAN</b>			
Pemberian daripada Kerajaan	<b>10</b>	6,927,863	2,755,746
Faedah Simpanan Tetap	<b>11</b>	503,897	772,086
Yuran Permohonan Pengecualian		200,000	100,000
Faedah Bank		15,125	20,017
Yuran Seminar		4,210	417,648
Denda dan Hukuman		33,069	152,042
Sumbangan Pelbagai		656	2,500
Pelarasan Hapus Kira Pemutang		-	10,000
Jualan Kenderaan dan Bahan Cetak		34,090	-
<b>Jumlah Pendapatan</b>		<b>7,718,910</b>	<b>4,230,039</b>
<b>PERBELANJAAN</b>			
Emolumen		4,295,761	4,161,571
Perjalanan dan Penginapan		122,586	154,567
Utiliti dan Komunikasi		241,110	243,329
Sewa		1,041,721	1,043,179
Susutnilai	<b>6</b>	380,664	328,974
Perbelanjaan Pentadbiran	<b>12</b>	106,109	129,570
Perbelanjaan Perkhidmatan		286,838	327,520
Gaji dan Elaun Anggota Suruhanjaya		595,262	560,553
Keraian, Honorarium dan Sumbangan		50,309	38,947
Perbelanjaan Pembangunan	<b>13</b>	1,990,990	1,974,330
Perbelanjaan Pembangunan - Kajian	<b>14</b>	117,963	1,285,946
Pasaran Dan E-Learning Program			
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>		<b>9,229,313</b>	<b>10,248,486</b>
<b>Kurangan Pendapatan Sebelum Cukai</b>		(1,510,403)	(6,018,447)
<b>Cukai Pendapatan</b>	<b>15</b>	-	-
<b>KURANGAN PENDAPATAN</b>		<b>(1,510,403)</b>	<b>(6,018,447)</b>

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

## PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Lebihan Terkumpul RM
<b>Pada 1 Januari 2017</b>	24,082,504
Kurangan Pendapatan	(6,018,447)
<b>Baki pada 31 Disember 2017</b>	<b>18,064,057</b>
Kurangan Pendapatan	(1,510,403)
<b>Baki pada 31 Disember 2018</b>	<b>16,553,654</b>

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

## PENYATA ALIRAN TUNAI

### BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	2018 RM	2017 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>		
Kurangan Pendapatan	(1,510,403)	(6,018,447)
Pelarasan:		
Susutnilai	380,664	328,974
Faedah Simpanan Tetap	(503,897)	(772,086)
KURANGAN PENDAPATAN SEBELUM PERUBAHAN DALAM MODAL KERJA	(1,633,636)	(6,461,559)
Pertambahan Deposit dan Prabayar	(6,514)	(9,125)
Pengurangan / (Pertambahan) Pelbagai Penghutang	62,851	(48,538)
Pertambahan Pelbagai Pembiutang	3,927,673	2,314,001
<b>TUNAI BERSIH DIGUNAKAN BAGI AKTIVITI OPERASI</b>	<b>2,350,374</b>	<b>(4,205,221)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>		
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(446,639)	(181,274)
Faedah Simpanan Tetap	540,083	785,741
<b>TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI PELABURAN</b>	<b>93,444</b>	<b>604,467</b>
PENGURANGAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	2,443,818	(3,600,754)
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN</b>	<b>19,431,100</b>	<b>23,031,854</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<b>21,874,918</b>	<b>19,431,100</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DIWAKILI OLEH:</b>		
Wang Tunai dan Baki Bank	5,839,352	1,342,843
Simpanan Tetap	16,035,566	18,088,257
	<b>21,874,918</b>	<b>19,431,100</b>

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 1 MAKLUMAT AM

- 1.1 Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ditubuhkan pada 1 April 2011 di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713). Suruhanjaya Persaingan Malaysia merupakan agensi di bawah kawal selia Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna dan merupakan satu badan bebas yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010. Pada setakat 31 Disember 2018, Suruhanjaya ini menempatkan seramai 65 orang pegawai.
- 1.2 Suruhanjaya Persaingan Malaysia beroperasi di alamat Level 15, Menara SSM @ Sentral No.7, Jalan Stesen Sentral 5, 50623 Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan.
- 1.3 Penyata Kewangan Suruhanjaya adalah bagi tempoh bermula 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2018.
- 1.4 Semua dasar perakaunan yang digunakan adalah bersamaan dengan dasar-dasar asas perakaunan.
- 1.5 Mata Wang fungsian Suruhanjaya adalah Ringgit Malaysia ("RM"), di mana setiap operasi dan transaksi adalah dalam RM. Bagi tujuan penyata kewangan ia dicatatkan dalam RM, yang merupakan mata wang fungsian Suruhanjaya.

## 2 AKTIVITI UTAMA

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) bertanggungjawab menjalankan fungsi-fungsi seperti melaksana dan menguatkuasakan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, mengeluarkan garis panduan berhubung perlaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang persaingan, bertindak sebagai penyokong untuk hal-hal berkaitan persaingan, menjalankan kajian am berhubung isu-isu yang berkaitan dengan persaingan dalam ekonomi Malaysia atau sektor-sektor ekonomi tertentu di Malaysia, memaklum dan mendidik orang awam berkenaan cara-cara yang mana persaingan boleh memberi faedah kepada pengguna dan juga ekonomi Malaysia.

## 3 PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 telah diluluskan oleh Anggota Suruhanjaya pada 29 Ogos 2019.

## 4 DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

### 4.1 Asas Perakaunan

Penyata kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan piawaian perakaunan 'Malaysian Private Entities Reporting Standard' (MPERS) yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 4 DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (BERSAMBUNG)

### 4.2 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul. Hartanah, loji dan peralatan disusutnilai mengikut asas garis lurus berdasarkan tempoh anggaran hayat seperti berikut:

Kenderaan bermotor	20%
Peralatan pejabat dan perabot	10%
Buku	10%
Komputer	20%

### 4.3 Susutnilai Aset

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, aset akan dinilai sama ada terdapat sebarang tanda susutnilai aset. Sekiranya terdapat sebarang tanda sedemikian, anggaran bagi jumlah aset yang diperolehi semula akan dilakukan. Kerugian susutnilai akan diiktiraf jika jumlah dibawa sesebuah aset menjana tunainya melebihi jumlah aset yang diperolehi semula.

Jumlah yang diperolehi semula bagi sesuatu aset adalah nilai penggunaan dan harga jualan bersih yang lebih besar di mana ia diukur dengan menggunakan nilai penggunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai semasanya.

Kerugian susutnilai nilai akan dicaj pada penyata pendapatan, kecuali terdapat pembalikan susutnilai. Kerugian susutnilai ditimbali balik hanya diiktiraf apabila jumlah aset dibawa tidak melebihi jumlah yang mungkin ditentukan sekiranya tiada kerugian susutnilai.

### 4.4 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki di bank dan simpanan tetap di institusi-institusi kewangan.

### 4.5 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbang kepada pengaturan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 4 DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (BERSAMBUNG)

### 4.5 Aset Kewangan (bersambung)

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori : aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosotnilai.

### 4.6 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan sebuah urusniaga pembentukan bagi Suruhanjaya kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori : liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan, atau komitmen pinjaman diukur pada kos ditolak rosotnilai.

### 4.7 Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, Suruhanjaya mengkaji semula nilai dibawa bagi aset kewangan bagi menentukan samada tardapat sebarang petunjuk rosot nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai yang diperolehi dengan membandingkan nilai dibawa dengan nilai yang boleh diperolehi. Nilai yang boleh diperolehi adalah nilai yang lebih tinggi antara harga jualan bersih dan nilai gunapakai yang ditafsirkan menggunakan anggaran aliran tunai hadapan didiskaunkan. Nilai yang boleh diperolehi akan ditentukan bagi setiap aset atau sekiranya tidak dapat ia akan ditentukan melalui unit janaan tunai yang dimiliki oleh aset berkenaan.

Kerugian rosot nilai diiktiraf di dalam penyata pendapatan sebagai perbelanjaan dalam tempoh ianya berlaku.

Pembalikan rosot nilai aset yang diiktiraf pada tahun lepas akan direkodkan sekiranya terdapat petunjuk bahawa rosot nilai yang diiktiraf pada tahun lepas tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Pembalikan nilai tersebut akan direkodkan sehingga amaun sebenar aset yang akan ditentukan (setelah ditolak susut nilai dan pelunasan nilai) sekiranya tiada kerugian susutnilai yang pernah direkodkan. Pembalikan nilai akan direkodkan terus di dalam penyata pendapatan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 4 DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (BERSAMBUNG)

### 4.8 Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu diukur pada nilai saksama aset yang diterima atau akan diterima dan diiktiraf dalam pendapatan apabila perolehan geran akan diterima.

Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu diiktiraf pada nilai saksama dalam pendapatan hanya apabila syarat-syarat prestasi telah dipenuhi.

Geran Kerajaan diterima sebelum kriteria pengiktirafan hasil dipenuhi diiktiraf sebagai liabiliti.

### 4.9 Pengiktirafan Pendapatan

Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah mendapat pemberian belanja mengurus sebanyak RM6,809,900 (2017 : RM1,469,800) bagi menampung tanggungan kewangan dan tidak menerima peruntukan belanja pembangunan bagi pembangunan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna bagi tahun 2018 (2017 : RM1,250,000.00).

Pemberian daripada Kerajaan yang diterima bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan dibuat serta diambil kira sebagai pendapatan apabila syarat geran telah dipenuhi.

Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan kepada pembahagian masa dan kadar efektif yang menjangkaui tempoh matang.

Yuran Permohonan Pengecualian yang diterima adalah daripada entiti perniagaan yang memohon pengecualian daripada Akta Persaingan 2010.

Pendapatan faedah bank diiktiraf berdasarkan akruan.

Yuran Seminar yang diterima adalah daripada pelaksanaan program seminar yang berkaitan dengan Akta Persaingan 2010.

Pendapatan Denda dan Hukuman merangkumi penalti kewangan yang dikenakan terhadap perusahaan atau syarikat atas pelanggaran syarat yang termaktub dalam Akta Persaingan 2010 (Akta 712). Jumlah penalti kewangan dikenakan adalah tidak melebihi 10% daripada keseluruhan pendapatan perusahaan atau syarikat sepanjang tempoh pelanggaran berlaku.

### 4.10 Manfaat Pekerja

#### i Manfaat Jangka Pendek

Gaji, elaun, imbuhan, insentif dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun perkhidmatan yang berkaitan diberikan kepada pekerja.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 4 DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (BERSAMBUNG)

### 4.10 Manfaat Pekerja (bersambung)

#### ii Pelan Caruman Tetap

Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") wajib dicarumkan mengikut perundangan di Malaysia. Caruman diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan.

### 4.11 Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia bertujuan memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi untuk menjalankan operasinya dengan lancar. Suruhanjaya akan mempertimbangkan dan menilai risiko pengurusan kewangan yang dibangkitkan dari semasa ke semasa.

#### i Risiko Kadar Faedah

Suruhanjaya membiayai operasinya dengan dana dalaman dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko kadar faedah dari pinjaman bank.

#### ii Risiko Kredit

Suruhanjaya tidak berurus niaga secara kredit yang material dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko kredit.

#### iii Risiko Pertukaran Mata Wang Asing

Suruhanjaya tidak mempunyai urus niaga pertukaran mata wang asing dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko pertukaran mata wang asing.

#### iv Risiko Mudah Tunai

Suruhanjaya mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang berhemah bagi meminimakan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan serta untuk mewujudkan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

#### v Risiko Tindakan Guaman

Subseksyen 3(3) Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713) menyatakan Suruhanjaya boleh disaman atas namanya manakala Subseksyen 3(4) memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk membuat kontrak. Suruhanjaya boleh dikenakan tindakan guaman oleh pihak ketiga sekiranya Suruhanjaya melanggar kontrak atau mana-mana prosidur di bawah Akta 712 dan Akta 713.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 4 DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (BERSAMBUNG)

### 4.12 Kemungkinan Luar Jangka

Terdapat kemungkinan pemindahan manfaat ekonomi kepada pihak ketiga sekiranya rayuan dibuat terhadap keputusan Suruhanjaya. Oleh itu, maklumat kemungkinan luar jangka seperti yang diperlukan di bawah 'Seksyen 21 Kemungkinan Luar Jangka' tidak didedahkan atas alasan ia boleh menjelaskan keputusan prosiding guaman tersebut.

### 4.13 Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

Setiap hasil, perbelanjaan dan juga aset diiktiraf bersih daripada GST. Jumlah GST tidak dituntut dan diiktiraf sebagai perbelanjaan atau sebahagian daripada kos perolehan aset berkuatkuasa sehingga 30 Jun 2018.

### 4.14 Peruntukan

Peruntukan liabiliti diiktiraf apabila Suruhanjaya mempunyai tanggungan semasa hasil daripada peristiwa lampau dan ini memungkinkan aliran keluar sumber-sumber yang merangkumi faedah-faedah ekonomi akan diperlukan bagi menjelaskan tanggungan dan anggaran jumlah boleh dibuat. Peruntukan ditinjau semula pada tarikh penyata kewangan dan diubahsuai bagi menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Apabila kesan masa nilai wang adalah kebendaaan, peruntukan dipotong menggunakan kadar sebelum cukai semasa yang ditunjukkan, jika berkenaan, risiko tertentu kepada liabiliti. Apabila potongan digunakan, peningkatan kepada peruntukan akibat daripada tempoh masa diiktiraf sebagai kos kewangan. Peruntukan untuk kos penstrukturan semula diiktiraf dalam tempoh di mana Suruhanjaya menjadi sah atau komited untuk membayar.

## 5 ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN

### 5.1 Anggaran Perakaunan

Pengukuran aset dan liabiliti memerlukan pengurusan untuk membuat anggaran berdasarkan pemantauan dan andaian lain yang difikirkan wajar. Antara perkara yang tertakluk kepada ketidakpastian anggaran adalah dalam mengukur:

#### i Susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan

Kos Hartanah, Loji dan Peralatan disusut nilai yang menggunakan kaedah penyusutan garis lurus atau kaedah lain memberi kesan kepada manfaat ekonomi yang diperolehi sepanjang tempoh penggunaan hartanah,loji dan peralatan. Anggaran digunakan dalam membuat pemilihan kaedah susut nilai, hayat penggunaan dan nilai sisa hartanah,loji dan peralatan tersebut. Manfaat ekonomi sebenar yang digunakan daripada hartanah, loji dan peralatan mungkin berbeza daripada anggaran yang dijangka dan ini boleh memberi kesan keuntungan atau kerugian sekiranya hartanah, loji dan peralatan tersebut dilupuskan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 5 ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 5.1 Anggaran Perakaunan (bersambung)

#### ii Pengiraan Cukai Pendapatan

Pertimbangan adalah penting dalam menentukan cukai semasa dan cukai tertunda Suruhanjaya oleh kerana cukai muktamad bagi Suruhanjaya secara keseluruhan adalah tidak menentu. Apabila keputusan akhir cukai yang perlu dibayar telah ditentukan oleh pihak berkuasa, jumlah berkenaan mempunyai kebarangkalian berbeza daripada anggaran awal cukai yang perlu dibayar. Perbezaan tersebut boleh memberi kesan kepada cukai semasa dan cukai tertunda pada tempoh pengiraan dibuat. Suruhanjaya akan mengambil kira perbezaan berkenaan samaada ia terlebih atau terkurang pada cukai semasa atau cukai tertunda dalam tempoh perbezaan tersebut dikenalpasti.

## 6 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Kenderaan Bermotor	Perabot dan Kelengkapan Pejabat	Buku	Komputer	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM
<b>Kos</b>					
Baki pada 1 Januari 2018	669,366	257,734	276,313	1,045,453	2,248,866
Pertambahan Tahun Semasa	320,430	11,585	-	114,624	446,639
Pelupusan Aset Tahun Semasa	(171,176)	-	-	-	(171,176)
Baki pada 31 Disember 2018	818,620	269,319	276,313	1,160,077	2,524,329
<b>Susutnilai Terkumpul</b>					
Baki pada 1 Januari 2018	579,362	116,763	124,441	509,060	1,329,626
Susutnilai Tahun Semasa	94,086	26,932	27,631	232,015	380,664
Pelupusan Aset Tahun Semasa	(171,176)	-	-	-	(171,176)
Baki pada 31 Disember 2018	502,272	143,695	152,072	741,075	1,539,114
<b>Nilai Buku Bersih</b>	<b>316,348</b>	<b>125,624</b>	<b>124,241</b>	<b>419,002</b>	<b>985,215</b>

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 6 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (BERSAMBUNG)

	Kenderaan Bermotor	Kelengkapan Pejabat	Buku	Komputer	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM
<b>Kos</b>					
Baki pada 1 Januari 2017	669,366	254,434	276,313	867,479	2,067,592
Pertambahan / (Pengurangan) Tahun Semasa	-	3,300	-	177,974	181,274
Baki pada 31 Disember 2017	669,366	257,734	276,313	1,045,453	2,248,866
<b>Susutnilai Terkumpul</b>					
Baki pada 1 Januari 2017	512,883	90,989	96,810	299,970	1,000,652
Susutnilai Tahun Semasa	66,479	25,774	27,631	209,090	328,974
Baki pada 31 Disember 2017	579,362	116,763	124,441	509,060	1,329,626
<b>Nilai Buku Bersih</b>	<b>90,004</b>	<b>140,971</b>	<b>151,872</b>	<b>536,393</b>	<b>919,240</b>

### 7 DEPOSIT DAN PRABAYAR

	2018 RM	2017 RM
Deposit elektrik	77,469	73,931
Lain-lain deposit dan cagaran	145,621	142,622
Prabayar	-	23
<b>Jumlah Deposit dan Prabayar</b>	<b>223,090</b>	<b>216,576</b>

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 8 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2018 RM	2017 RM
<b>a) Wang Tunai dan Baki Bank</b>		
Tunai dalam tangan	3,991	2,701
Akaun Semasa CIMB (Mengurus)	5,012,024	449,050
Akaun Semasa CIMB (Pembangunan)	823,337	891,092
	<b>5,839,352</b>	<b>1,342,843</b>
<b>b) Simpanan Tetap</b>		
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	13,577,457	13,943,961
Malaysia Building Society Berhad	2,458,109	4,144,296
	<b>16,035,566</b>	<b>18,088,257</b>
Tunai dan Kesetaraan Tunai	<b>21,874,918</b>	<b>19,431,100</b>

### 9 PEMIUTANG

	2018 RM	2017 RM
Lain-Lain Potongan	4,206	-
Pemiutang - Lain-Lain	65,373	181,892
Pemiutang - MyEG	6,412,200	2,272,200
Jumlah Pemiutang	<b>6,481,779</b>	<b>2,454,092</b>

Pemiutang berjumlah RM 6,412,200 merupakan bayaran denda yang telah diputuskan ke atas MyEG.

### 10 PEMBERIAN DARIPADA KERAJAAN

	2018 RM	2017 RM
Geran Mengurus	6,809,900	1,469,800
Geran Pembangunan	117,963	1,285,946
	<b>6,927,863</b>	<b>2,755,746</b>

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 11 FAEDAH SIMPANAN TETAP

	2018 RM	2017 RM
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	391,678	568,619
Malaysia Building Society Berhad	112,219	203,467
	503,897	772,086

Kadar faedah bagi simpanan tetap adalah di antara 3.45% - 4.30% dan tempoh simpanan adalah di antara 1 hari hingga 12 bulan.

### 12 PERBELANJAAN PENTADBIRAN

	2018 RM	2017 RM
Minyak Petrol	31,759	38,106
Perbelanjaan Pejabat	74,350	91,464
	106,109	129,570

### 13 PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

	2018 RM	2017 RM
Latihan Pembangunan Kapasiti	369,974	445,231
Program Advokasi	564,301	482,721
Penguatkuasaan dan Penyiasatan	146,556	129,790
Perancangan Media dan Komunikasi	519,300	625,113
Perundungan	106,788	110,993
Penyelidikan ( <i>Guidelines/Market Study</i> )	46,590	22,892
Pembangunan ICT dan Website	237,481	157,590
	1,990,990	1,974,330

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 14 PERBELANJAAN PEMBANGUNAN - KAJIAN PASARAN DAN E-LEARNING PROGRAM

	2018 RM	2017 RM
Kajian Pasaran Farmaseutikal	-	442,769
Kajian Pasaran Bahan Binaan	5,715	593,177
Kajian Pasaran Sektor Makanan	112,248	-
Program E-Learning	-	250,000
	117,963	1,285,946

### 15 CUKAI PENDAPATAN

Penyesuaian perbelanjaan cukai pendapatan ke atas kerugian sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun kepada perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai efektif pendapatan Suruhanjaya bagi tahun 31 Disember 2018 dan perbezaan bagi tahun sebelum adalah seperti berikut:

	2018 RM	2017 RM
Kerugian sebelum cukai	(1,510,403)	(6,018,447)
Cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun	(362,497)	(1,444,427)
Perbelanjaan tidak boleh ditolak	91,359	78,954
Kerugian perniagaan yang boleh ditolak	271,138	1,365,473
	-	-

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 16 PIHAK PENGURUSAN UTAMA

Pihak pengurusan utama merupakan mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, memberi arahan dan mengawal aktiviti-aktiviti Suruhanjaya secara langsung dan tidak langsung.

Jumlah emolumen dan elaun bagi pihak pengurusan utama bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dan perbezaan bagi tahun sebelum adalah seperti berikut :

	2018 RM	2017 RM
Jumlah Emolumen dan Elaun	645,318	687,936
	645,318	687,936

### 17 KES PERUNDANGAN

- 17.1 Pada 20 Disember 2018, Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan semakan kehakiman oleh Suruhanjaya dalam kes Malaysia Airline System Berhad (MAS) dan AirAsia Berhad (AirAsia) terhadap keputusan Tribunal Rayuan Persaingan (TRP). Dengan ini, pihak MAS dan AirAsia dikehendaki membayar penalty berjumlah RM10,000,000 berserta kos RM10,000 bagi setiap pihak. Kedua-dua pihak telah memfailkan rayuan semakan kehakiman terhadap keputusan Mahkamah Tinggi kepada Mahkamah Rayuan.
- 17.2 MyEG telah membayar denda harian berjumlah RM4,140,000 pada 23 Julai 2018 kepada Suruhanjaya sepertimana yang telah diputuskan oleh Tribunal Rayuan Persaingan (TRP). Pendengaran semakan kehakiman telah didengar oleh Mahkamah Tinggi pada 11 Disember 2018 dan telah ditolak. MyEG telah memfailkan rayuan semakan kehakiman terhadap keputusan Mahkamah Tinggi kepada Mahkamah Rayuan.